

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (JOHOR)  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

SAUNAH BINTI ZAINON

**KETUA UNIT KUALITI :**

HENNY HAZLIZA BINTI MOHD TAHIR

**PENYELARAS :**

SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM

**PENULIS :**

1. SYED KHUSAIRI BIN TUAN AZAM
2. SITI RAHAYU BINTI SARMAN
3. HENNY HAZLIZA BINTI MOHD TAHIR
4. MAHFUZAH BINTI MOHAMMED ZABIDI

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dari aspek **Pendekatan (*Approach*)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan pendekatan **kepimpinan inklusif dan partisipatif** serta **budaya transformasi** dalam mentadbir urus UiTMCJ keseluruhannya dan menggerakkan **Bidang Tumpuan (BT) Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University* dan gelombang "*Globally Respected 2024*", UiTMCJ telah memfokuskan BT dengan objektif strategik "**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**" selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2024 dan Amanat Naib Canselor UiTM 2024. Dalam usaha merealisasikan objektif strategik, UiTMCJ meletakkan **3 inisiatif utama** iaitu Program Jaringan Alumni Profesional (**ProNet**), Inisiatif Komuniti Pintar (**Smart Community Engagement: SmartCE**) dan Inisiatif Kesukarelawan Kampus (**Southern Vibes Volunteers: SVibes**). Kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan **formula kecemerlangan #Johor4Excellence=K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>** dalam memotivasikan warga UiTMCJ secara inklusif untuk bersama-sama merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTMCJ sebagai sebuah kampus berdayahuni "*liveable campus*".

Dari aspek **Perluasan (*Deployment*)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ melaksanakan mekanisme perluasan dengan memeterai kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar berimpak tinggi dengan kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (*NGO*), industri serta alumni. Rektor UiTMCJ selaku ketua PTJ telah mengilhamkan agenda **Rector's Special Projects (RSP)** yang didokong oleh 16 sub-projek. Projek jangka panjang 2022-2024 ini menjadi pemangkin pencapaian BT serta keberhasilan pencapaian Petunjuk Prestasi selaras dengan Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMCJ. Selain itu, Pengurusan Kanan UiTMCJ juga mengamalkan komunikasi dua hala menggunakan pendekatan *Top-Down* dan *Bottom-Up* dalam menyebarkan objektif dan inisiatif strategik.

Dari aspek **Pembelajaran (*Learning*)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah melaksanakan pelan tindakan pemantauan secara berkala bagi mengenalpasti pencapaian program-program BT melalui pelbagai mekanisme pemantauan antaranya pembentangan status pencapaian PI dan analisa keberkesanan program berdasarkan pelaporan aktiviti. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga telah melaksanakan pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif melalui perbincangan berdasarkan pengumpulan dan analisa data, penyenaian berkaitan isu yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap Petunjuk Prestasi. Risiko-risiko BT juga telah dikenalpasti dan didokumenkan. Ketiga-tiga inisiatif **ProNet, SmartCE dan SVibes** ini dilihat memiliki kategori risiko utama yang sepunya iaitu **risiko reputasi, imej dan ketampakan UiTMCJ**.

Dari aspek **Integrasi (*Integration*)**, Pengurusan Kanan UiTMCJ **membudayakan objektif dan inisiatif strategik** BT melalui penyaluran maklumat yang tepat dan terkini secara konsisten dan berkala serta pendekatan kreatif dan inovatif dengan mengetengahkan **siri temubual bersama Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** melalui siri program **Podcast Suara UiTM Johor**. Pembudayaan amalan terbaik (**Best Practices**) dan ketampakan kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ yang unggul dan berwibawa diakui **di peringkat UiTM dan luar UiTM** apabila Rektor UiTMCJ dijemput sebagai **Keynote Speaker** di konferensi komuniti dan UiTMCJ dipilih menjadi tuan rumah bagi **Sesi Libat Urus Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN) bersama Dekan Eksekutif ICAN, Timbalan Rektor PJI dan Timbalan Dekan ICAN/PJI** yang julung kali diadakan. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga menzahirkan penghargaan atas komitmen warga UiTMCJ dengan memberikan **pengiktirafan dan sanjungan** melalui emel, laman web, media sosial dan majlis penghargaan dan apresiasi.

Kesimpulannya, gabungan elemen-elemen ini bukan sahaja menjadi pilar penggerak keberkesanan kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam merealisasikan pelan strategik universiti, malah memperkukuh kedudukan UiTMCJ sebagai universiti unggul yang dihormati di peringkat global.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCJ diterajui oleh Rektor dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) yang merupakan jawatankuasa pembuat keputusan tertinggi di peringkat kampus cawangan. Berpaksikan kekuatan dan kecemerlangan UiTMCJ pada tahun 2024, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah bersetuju menjadikan Bidang Tumpuan (BT) **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** sebagai bidang tumpuan di dalam pelaporan AKNC 2024. BT ini dipacu oleh Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni UiTMCJ sebagai teras utama kecemerlangan. **(Bukti 1.2.1)**

Dalam mentadbir urus UiTMCJ keseluruhannya dan menggerakkan BT **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**, Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan **pendekatan kepimpinan inklusif dan partisipatif** (*inclusive and participative approach*) dan **budaya transformasi** (*cultural transformation*) yang telah dizahirkan sendiri oleh Rektor UiTMCJ di dalam Amanat Tahun Baharu 2023 & Sambutan 100 Hari Rektor di awal pelantikan beliau sebagai ketua PTJ. Pendekatan **kepimpinan inklusif dan partisipatif** ini diterjemahkan dengan 5 kaedah utama yang memperlihatkan sinergi antara aspirasi pengurusan dan keperluan akar umbi warga kampus iaitu: **(Bukti 1.2.2)**

Kaedah 1: Membina polisi dan mewujudkan budaya persekitaran inklusif

Kaedah 2: Membina kapasiti sumber

Kaedah 3: Membuat perubahan dan mengaktifkan rangkaian perubahan

Kaedah 4: Menyediakan sokongan

Kaedah 5: Komunikasi dua hala & membentuk rangkaian kerjasama antara warga kampus

Kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan **formula kecemerlangan #Johor4Excellence=K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>** dalam memotivasikan warga UiTMCJ secara inklusif untuk bersama-sama merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTMCJ sebagai sebuah kampus berdayahuni "**liveable campus**". Formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>** adalah berteraskan gabungan konsep **4K** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan dan Kegemilangan** yang diperkasakan dengan nilai **4E** iaitu **Empowerment** (Pemeriksaan), **Entrusted** (Kepercayaan), **Enrichment** (Pengayaan) dan **Empathy** (Empati). Penghayatan konsep **4K** ini diterjemahkan melalui budaya **kekeluargaan** di UiTMCJ, di mana **keprihatinan** terhadap **kebijakan** warga kampus menjadi asas kepada pencapaian kejayaan dan **kegemilangan** bersama. **(Bukti 1.2.3)**

Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) serta Pelan Strategik UiTM 2025: *Globally Renowned University*, UiTMCJ dengan langkah **proaktif** memfokuskan BT dengan objektif strategik "**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**". Objektif strategik ini dirangka secara komprehensif dan berfokus, selaras dengan **Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2024** serta **Amanat Naib Canselor UiTM 2024**. Ia berteraskan **Pillar 5: High Involvement with Industry, Community, and Government Agencies** serta **Pillar 6: Engaging Alumni** yang digariskan dalam agenda Pelan Strategik UiTM "**Globally Respected 2024**". **(Bukti 1.2.4)**

Bagi merealisasikan objektif strategik ini, UiTMCJ telah merangka tiga inisiatif utama iaitu:

1. **Program Jaringan Alumni Profesional** (ProNet Alumni) - **ProNet**
2. **Inisiatif Komuniti Pintar** (Smart Community Engagement) - **SmartCE**
3. **Inisiatif Kesukarelawan Kampus** (Southern Vibes Volunteers) - **SVibes**

Inisiatif utama ini menjadi landasan kepada **Pemeriksaan (Empowerment)** dan **Pengayaan (Enrichment)** ilmu dan pengalaman warga UiTMCJ yang merupakan antara keutamaan Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam membentuk warga yang holistik. **Pemeriksaan** ini turut

diperkakan dengan nilai **Kepercayaan (Trustee)** yang menjadi teras kepada hubungan erat antara warga UiTMCJ dan nilai **Empati (Empathy)** yang menjadi asas kepada pembangunan sahsiah pelajar. **Pendekatan keterbukaan, inklusif dan partisipatif** yang diamalkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ membolehkan suara dan pandangan warga UiTMCJ sentiasa diambil kira dalam proses membuat keputusan termasuk libat urus bersama Pengurusan Kanan dalam Mesyuarat Ketua Bahagian dan Mesyuarat Akademik yang berperanan sebagai jambatan komunikasi dua hala antara pengurusan dan warga kampus. **(Bukti 1.2.5)**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20251\\_UiTMCJ\\_1.2.1\\_Governan dan Tadbir Urus.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20252\\_UiTMCJ\\_1.2.2\\_Pendekatan Kepimpinan Inklusif.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20253\\_UiTMCJ\\_1.2.3\\_Kerangka Kepimpinan UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20254\\_UiTMCJ\\_1.2.4\\_Kerangka Bidang Tumpuan UiTMCJ 2024.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB02\\_20255\\_UiTMCJ\\_1.2.5\\_Sokongan dan Komunikasi Dua Hala.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCJ komited dalam merealisasikan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang melalui kaedah perluasan berikut:

#### 1) **Pewujudan ekosistem kolaborasi perkongsian pintar dengan pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MoU/MoA).**

Selain memanfaatkan *MoU/MoA* sedia ada, UiTMCJ telah memeterai lebih banyak bentuk **kerjasama dua hala** dan **kolaborasi perkongsian pintar berimpak tinggi** dengan **kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (NGO), industri serta alumni**. Kolaborasi ini bukan sahaja bersifat strategik, malah mencerminkan kepercayaan (*Entrusted*) pelbagai pihak terhadap keupayaan UiTMCJ dalam menjadi pemacu sinergi pintar yang lestari. Pemeteraian kerjasama dan kolaborasi ini menjadi pemangkin kejayaan inisiatif **ProNet, SmartCE** dan **SVibes** yang memberi penekanan dalam aktiviti yang bersifat inklusif, lestari dan berimpak tinggi. **(Bukti 1.3.1)**

#### 2) **Pelaksanaan agenda Rector's Special Projects (RSP)**

Agenda **RSP** merupakan projek khas yang diilhamkan sendiri oleh Rektor. Projek-projek di bawah **RSP** telah menjadi **pilar penggerak** pencapaian objektif dan inisiatif strategik BT serta keberhasilan **pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** selaras dengan Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMCJ (*Strategic Action Plan*) serta **merealisasikan** agenda kampus berdayahuni. **(Bukti 1.3.2)**

**RSP 6: Bicara Tokoh** menjadi antara **pengupaya (enabler)** kepada inisiatif **ProNet** yang menghubungkan semula alumni dengan universiti secara bermakna. Melalui inisiatif ini, alumni kembali menyumbang dalam bentuk kepakaran, bimbingan dan peluang kerjaya. Manakala **RSP 10: UiTM Johor Lestari** dan **RSP 13: Komuniti Antarabangsa** pula menjadi antara penyumbang pelaksanaan inisiatif **SmartCE** dan **Svibes** yang merupakan manifestasi komitmen UiTMCJ dalam melahirkan mahasiswa sebagai agen perubahan yang cemerlang intelektual, memiliki empati yang tinggi serta cakna dan bertanggungjawab terhadap komuniti setempat dan global. **(Bukti 1.3.3)**

#### 3) **Komunikasi dua hala menggunakan pendekatan Top-Down dan Bottom-Up.**

Seiring dengan perkembangan teknologi digital yang pesat dan kebolehcapaian maklumat di hujung jari, **group whatsapp HOD** menjadi medium utama penyampaian maklumat dan pembuatan keputusan yang lebih pantas dan cekap antara **ketua-ketua bahagian UiTMCJ**. Penyaluran maklumat oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ kepada ketua-ketua bahagian dan tempoh masa memberikan maklumbalas dapat dijimatkan terutamanya dalam situasi keperluan **pembuatan keputusan yang kritikal**. Selain itu, pendekatan **Top-Down** dilaksanakan dengan mengagihkan Petunjuk Prestasi (*PI*) kepada bahagian, unit dan fakulti di UiTMCJ melalui perbincangan antara ketua-ketua bahagian di dalam **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2024** berdasarkan kompetensi dan ketersediaan warga UiTMCJ. Hasil diskusi dan persetujuan bersama ini diterjemahkan ke dalam **Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMCJ (SAP)** yang menjadi rujukan dan panduan **pelaksanaan inisiatif strategik** sepanjang tahun 2024. **(Bukti 1.3.4)**

Bagi **melaksanakan** inisiatif BT, permohonan kelulusan pelaksanaan program dan aktiviti akan dibuat oleh bahagian, unit dan fakulti melalui **Mesyuarat JKEN**. **Kelulusan pelaksanaan program** dan aktiviti adalah penting bagi memastikan JKEN mengambil maklum dan memberikan **sokongan** yang sepenuhnya kepada warga UiTMCJ terutamanya permohonan yang melibatkan kelulusan peruntukan kewangan dan penggunaan kemudahan fasiliti UiTM. **(Bukti 1.3.4)**

#### 4) **Penyampaian maklumat yang sistematik, komprehensif dan menyeluruh kepada**

## warga UiTMCJ

Pengurusan Kanan UiTMCJ mengutamakan penyampaian maklumat secara sistematik, komprehensif dan menyeluruh kepada warga UiTMCJ sebagai komponen penting dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang. **Perluasan dan perkongsian maklumat hala tuju UiTMCJ** adalah secara terus antaranya melalui **emel, laman sesawang, media sosial, Amanat Rektor, Saunah Sharing Session (3S), Sesi Libat Urus, Mesyuarat Akademik dan Telegram**. (Bukti 1.3.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20251\\_UiTMCJ\\_1.3.1\\_Pemeteraian MoU MoA.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_1.3.2\\_Agenda RSP.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20253\\_UiTMCJ\\_1.3.3\\_Komunikasi Top Down.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20254\\_UiTMCJ\\_1.3.4\\_Komunikasi Bottom Up.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB03\\_20255\\_UiTMCJ\\_1.3.5\\_Penyampaian Maklumat.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan UiTMCJ telah **melaksanakan pelan tindakan pemantauan berterusan secara berkala** bagi **mengenalpasti pencapaian** program dan punca kegagalan inisiatif BT melalui mekanisma pemantauan seperti berikut:

#### **1. Pemantauan peringkat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)**

Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) UiTMCJ menyediakan laporan pencapaian PI UiTMCJ secara **keseluruhan** dan **dibentangkan** kepada Pengurusan Kanan UiTMCJ di dalam **Mesyuarat JKEN. (Bukti 1.4.1.1)**

#### **2. Pemantauan peringkat Ketua Bahagian**

Penyelaras PSTU UiTMCJ menyediakan laporan pencapaian PI UiTMCJ **mengikut bahagian**, perubahan sasaran petunjuk prestasi dan lain-lain yang berkaitan dan **dibentangkan** kepada ketua-ketua bahagian di dalam **Mesyuarat MKB. (Bukti 1.4.1.2a)**

#### **3. Pembentangan oleh Ketua Bahagian**

Pencapaian terperinci PI BT dan **pelaporan aktiviti yang telah dijalankan dan masalah yang dihadapi**serta cadangan penambahbaikan oleh bahagian atau unit dalam menjalankan projek BT yang dirancang pula dibentangkan di dalam **Mesyuarat MKB** oleh pengurus PI. **(Bukti 1.4.1.2b).**

#### **4. Pemantauan dalaman peringkat Bahagian/Unit**

Pemantauan pencapaian & keberkesanan program berdasarkan pelaporan aktiviti yang melibatkan BT melalui mesyuarat dalaman bahagian/unit **(Bukti 1.4.1.3).**

**5. Peringatan secara berkala melalui emel dan aplikasi *WhatsApp*** oleh PSTU kepada pengurus PI bagi mengemaskini status pencapaian PI dan projek SAP masing-masing ke dalam platform pelaporan kepada peneraju dan PSTU. **(Bukti 1.4.1.4)**

#### **6. Pemantauan berkala pelaksanaan agenda *RSP***

Pemantauan berkala pelaksanaan agenda ***RSP*** adalah melalui **Mesyuarat Kemajuan *RSP***. Ketua projek membentangkan peratusan siap projek, hasil projek dan perancangan kemajuan projek. **(Bukti 1.4.1.5)**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_UiTMCJ\\_1.4.1.1 Pemantauan peringkat JKEN.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20252\\_UiTMCJ\\_1.4.1.2 Pemantauan peringkat Ketua Bahagian.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20253\\_UiTMCJ\\_1.4.1.3 Pemantauan dalaman peringkat BahagianUnit.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20254\\_UiTMCJ\\_1.4.1.4 Peringatan berkala melalui emel dan aplikasi Whatsapp.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20255\\_UiTMCJ\\_1.4.1.5 Pemantauan berkala pelaksanaan agenda RSP.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko BT telah dikenalpasti semasa Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2024 berdasarkan **Module Strategic Action Plan: Pengurusan Risiko Projek (Bukti 1.4.2.1)** dan penyenaaraian risiko berkaitan BT juga turut didokumenkan dalam Daftar Risiko UiSMS mengikut bahagian/unit : **BPJI (ICAN) & BPJI (Alumni)**. (Bukti 1.4.2.2).

Berdasarkan parameter risiko yang digariskan di dalam modul Pengurusan Risiko Projek, risiko bagi projek yang telah disenaraikan di bawah **BPJI (ICAN) dan BPJI (Alumni)** adalah daripada Kategori Risiko (**Risk Category**) **R00805 dan R00806** iaitu *Economic downturn* dan *Changes in law or policy*. Manakala Kemungkinan Berlaku (**Likelihood of Occurrence**) adalah **1 atau 2** dengan Impak Magnitud (**Magnitude of Impact**) **1** dan Tahap Risiko (**Risk Level**) yang Rendah (**Low**).

Dalam usaha merealisasikan objektif strategik “**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**” dan melaksanakan inisiatif **ProNet, SmartCE dan SVibes**, ketiga-tiga inisiatif ini dilihat memiliki kategori risiko sepunya iaitu **kekurangan sumber kewangan menyebabkan pelaksanaan inisiatif terbatas**. Risiko spesifik kepada projek juga turut dibincangkan di dalam mesyuarat yang berkaitan bagi membolehkan Pengurusan Kanan bertindak ke atas risiko yang telah dikenal pasti. (Bukti 1.4.2.3)

Pengurusan Kanan UiTMCJ **bertindak ke atas risiko** inisiatif bagi BT dengan menggunakan mekanisme berikut:

- 1) Penganjuran program secara **kerjasama dengan rakan strategik** yang boleh menyalurkan **dana kewangan** bagi menampung kos pelaksanaan program dalam keadaan pengurusan kewangan universiti yang kejut dan perbelanjaan berhemah. (Bukti 1.4.2.4)
- 2) Menyediakan sistem sokongan kondusif seperti seminar, bengkel dan latihan kepada staf, menaiktaraf dan menambahbaik fasiliti sedia ada serta memanfaatkan teknologi digital dalam melaksanakan projek komuniti (Bukti 1.4.2.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_UiTMCJ\\_1.4.2.1 Kategori Risiko.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20252\\_UiTMCJ\\_1.4.2.2 Daftar Risiko UiSMS.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20253\\_UiTMCJ\\_1.4.2.3 Daftar Risiko & Pengurusan Risiko BPJI UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20254\\_UiTMCJ\\_1.4.2.4 Perluasan Hubungan dengan Rakan Strategik.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20255\\_UiTMCJ\\_1.4.2.5 Sistem sokongan penganjuran bengkel dan latihan.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

#### Inisiatif ProNet

Pengurusan Kanan UiTMCJ **meningkatkan prestasi** pelaksanaan inisiatif **ProNet** dengan menyemak dan menilai semula **Analisa SWOT (SWOT Analysis)** Pengurusan Risiko Prestasi Indeks Unit Alumni 2024 yang menggariskan secara terperinci **Kekuatan, Kelemahan, Peluang** dan **Ancaman** bagi pencapaian PI Unit Alumni UiTMCJ (**Bukti 1.4.3.1**). Selain itu, pelancaran **Tabung Alumni Prihatin RM5** telah memberi peluang kepada alumni UiTMCJ menyumbang kepada pembangunan pembelajaran pelajar dan membantu menampung pemberian insentif kepada para pelajar UiTM. Alumni juga turut menyumbang dalam bentuk zakat dan sedekah beserta pelbagai tajaan kepada pelajar yang memerlukan dan sumbangan kewangan yang telah diterima ini sedikit sebanyak dapat membantu Unit Alumni melaksanakan agenda mereka. (**Bukti 1.4.3.2**)

#### Inisiatif Smart CE

Pengurusan Kanan UiTMCJ **meningkatkan prestasi** pelaksanaan inisiatif **SmartCE** dengan memberi pendedahan kepada warga berkenaan projek komuniti, pelaporan, penarafan bintang dan *Knowledge Transfer Program*. Warga juga digalakkan mendapatkan dana atau geran komuniti daripada pihak luar (**Bukti 1.4.3.3**). Komitmen Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam **meningkatkan prestasi** juga diterjemahkan dengan kelulusan pemberian dana geran **Special Interest Group (SIG) 4.0** berjumlah hampir RM20,000 melalui Tabung Amanah Am Negeri kepada projek komuniti terpilih sebagai insentif bagi membantu pencapaian PI UiTMCJ (**Bukti 1.4.3.4**).

#### Inisiatif SVibes

Pengurusan Kanan UiTMCJ **meningkatkan prestasi** pelaksanaan inisiatif **SVibes** dengan pemeteraian kolaborasi bersama **Southern Volunteers** bagi memudahcara proses pendaftaran hampir 2,000 mahasiswa UiTMCJ sebagai sukarelawan berdaftar **Southern Volunteers**. Lebih mengujakan, UiTMCJ melakar sejarah apabila menjadi **universiti pertama melancarkan Southern Volunteers (SV) di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia**. (**Bukti 1.4.3.5**)

#### SENARAI BUKTI :

1. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_UiTMCJ\\_1.4.3.1\\_Inisiatif\\_ProNet\\_1.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20252\\_UiTMCJ\\_1.4.3.2\\_Inisiatif\\_ProNet\\_2.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20253\\_UiTMCJ\\_1.4.3.3\\_Inisiatif\\_SmartCE\\_1.pdf](#)
4. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20254\\_UiTMCJ\\_1.4.3.4\\_Inisiatif\\_SmartCE\\_2.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20255\\_UiTMCJ\\_1.4.3.5\\_Inisiatif\\_SVibes.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan UiTMCJ **membudayakan objektif dan inisiatif strategik BT** melalui penyaluran maklumat yang tepat dan terkini secara konsisten dan berkala. Pemakluman pelaksanaan strategi dan status pencapaian semasa **berskala besar** disampaikan kepada warga secara meluas dan inklusif melalui **Amanat Tahun Baharu Rektor 2024, Amanat Rektor Minggu Destini Siswa 2024, Saunah Sharing Session, Mesyuarat Akademik, Taklimat Pemantapan Budaya Kerja UiTMCJ** dan telegram **Info Hebahan UiTMCJ**. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga turut mengintegrasikan komunikasi dua hala dalam **skala yang lebih kecil** melalui agenda **RSP2: Sembang Santai Bersama Rektor dan Campus Townhall**. (Bukti 1.5.1)

Mendepani era digital dan seiring dengan perkembangan teknologi, Pengurusan Kanan UiTMCJ mengambil pendekatan **kreatif dan inovatif** dalam penyaluran maklumat kepada warga UiTMCJ dengan lebih **tuntas dan inklusif** melalui siri program **Podcast Suara UiTM Johor** yang mengetengahkan **siri temubual bersama Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** yang kini menjadi **trend penyampaian maklumat** kerana ianya boleh diakses oleh warga pada bila-bila masa (*on-demand*) dan di mana sahaja tanpa perlu keberadaan fizikal. (Bukti 1.5.2)

Dalam usaha **membudayakan objektif dan inisiatif strategik di peringkat luar UiTM**, Pengurusan Kanan UiTMCJ mengambil langkah proaktif dengan membuat kunjungan hormat ke pejabat-pejabat kerajaan dan rakan industri bagi menjamin kelestarian hubungan kerjasama sedia ada dan merebut peluang potensi kerjasama masa hadapan. Pengurusan Kanan UiTMCJ juga bersifat terbuka menerima kunjungan hormat dari pihak luar bagi mewujudkan ekosistem kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar yang mampan dan berimpak tinggi dalam usaha merealisasikan inisiatif **ProNet, SmartCE dan SVibes**. (Bukti 1.5.3)

Pembudayaan amalan terbaik (**Best Practices**) dan ketampakan kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ yang unggul dan berwibawa diakui **di peringkat UiTM dan luar UiTM** apabila Rektor UiTMCJ dijemput sebagai **Keynote Speaker** di **2nd International Conference on Sustainable Development for Community Empowerment (unitE) 2024**. Lebih mengujakan apabila UiTMCJ dipilih menjadi tuan rumah bagi **Sesi Libat Urus Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN) bersama Dekan Eksekutif ICAN, Timbalan Rektor PJI dan Timbalan Dekan ICAN/PJI** yang julung kali diadakan pada 12-13 Februari 2025 atas kecemerlangan UiTMCJ menerima **Anugerah Khas TNC ICAN untuk 3 tahun berturut-turut sejak 2022 sehingga 2024**. UiTMCJ juga turut berkongsi **Best Practices** bersama UiTM Cawangan Sarawak. (Bukti 1.5.4)

Berteraskan nilai **kekeluargaan**, Pengurusan Kanan UiTMCJ menzahirkan penghargaan atas komitmen dan iltizam yang telah diberikan oleh warga UiTMCJ dengan memberikan **pengiktirafan dan sanjungan** melalui emel, laman web, media sosial dan majlis penghargaan dan apresiasi. Hasil dorongan, pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ secara tidak langsung menyemarakkan lagi semangat warga UiTMCJ dalam menjayakan BT dan mencapai **kegemilangan** hingga ke persada antarabangsa. (Bukti 1.5.5)

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan UiTMCJ **berjaya membudayakan objektif dan inisiatif strategik BT** melalui **kepimpinan berwawasan, komunikasi menyeluruh, pelaksanaan berstruktur, pemantauan sistematik, serta budaya penghargaan**. Gabungan elemen-elemen ini bukan sahaja menyokong keberkesanan pelan strategik universiti, malah memperkukuh kedudukan UiTMCJ sebagai universiti unggul yang dihormati di peringkat global.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20251\\_UiTMCJ\\_1.5.1\\_Penyalaran maklumat kepada warga UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20252\\_UiTMCJ\\_1.5.2\\_Podcast Suara UiTMCJ.pdf](#)
3. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20253\\_UiTMCJ\\_1.5.3\\_Pembudayaan di peringkat luar UiTM.pdf](#)

4. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20255\\_UiTMCS\\_1.5.4\\_Pembudayaan Amalan Terbaik.pdf](#)
5. [K0059\\_K01\\_KB05\\_20255\\_UiTMCS\\_1.5.5\\_Pengiktirafan dan sanjungan.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bermula dengan **Pendekatan (Approach)**, UiTMCJ melalui kerangka BT Alumni, Jaringan Industri dan Kesukarelawan UiTMCJ 2024 telah menetapkan objektif strategik “**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**”. Kerangka BT ini telah diasimilasi dengan kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>** bagi merealisasikan agenda menjadikan ekosistem UiTMCJ sebagai sebuah kampus berdayahuni “*liveable campus*”. Formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>** adalah berteraskan gabungan konsep **4K** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan dan Kegemilangan** yang diperkasakan dengan nilai **4E** iaitu **Empowerment (Pemeriksaan), Entrusted (Kepercayaan), Enrichment (Pengayaan) dan Empathy (Empati)**. Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ 2024 telah dirangka pada penghujung tahun 2023. Pelan ini telah dipetakan dengan agenda utama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Pelan Strategik UiTM 2025. UiTMCJ juga telah menetapkan objektif dan inisiatif strategik BT berasaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 *Globally Renowned University*, Kerangka Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030 dan *Sustainable Development Goals (SDG)*. Projek- projek di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ 2024 telah dirancang di Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2024 dan 2025.

**Perluasan (Deployment)** inisiatif strategik UiTMCJ disebarikan secara meluas dan komprehensif kepada seluruh warga UiTMCJ melalui **Amanat Rektor 2024, Saunah Sharing Session (3S), Taklimat Pemantapan & Budaya Kerja, Mesyuarat Akademik, mesyuarat dalaman PTJ dan emel** bagi memastikan seluruh warga UiTMCJ cakna dan faham halatuju UiTMCJ terutamanya dalam mencapai sasaran. Inisiatif strategik UiTMCJ direalisasi melalui projek **SAP dan petunjuk prestasi (PI)** sebagai indikator prestasi UiTMCJ dalam membantu mencapai objektif UiTM. Projek SAP telah dibincangkan di dalam **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2024 dan 2025** bagi mencapai objektif UiTMCJ dan PI UiTM.

Dari aspek **Pembelajaran (Learning)** sepanjang proses pelaksanaan inisiatif strategik, pemantauan secara berkala telah dibuat melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat UiTM, Pengurusan Kanan UiTMCJ dan jabatan atau bahagian terlibat. Pemantauan berkala amat penting bagi memastikan objektif strategik dapat dicapai mengikut perancangan. Pembentangan laporan pencapaian PI dan perkembangan projek SAP di mesyuarat-mesyuarat pengurusan UiTMCJ dan mesyuarat dalaman jabatan turut dibuat bagi memantau kemajuan pelaksanaan dan inisiatif strategik UiTMCJ.

Dari aspek **Integrasi (Integration)**, hasil pemantauan ini juga digunakan dalam proses penambahbaikan inisiatif strategik untuk **meningkatkan pencapaian dan prestasi sedia ada**. Beberapa medium digunakan untuk mendapatkan input bagi penambahbaikan inisiatif strategik UiTMCJ. Mengkaji semula inisiatif strategik yang lepas, input-input yang diperolehi melalui mesyuarat seperti mesyuarat pengurusan UiTMCJ dan mesyuarat dalaman jabatan dan analisa maklumbalas program adalah antara sumber maklumat bagi proses penambahbaikan objektif dan inisiatif strategik UiTMCJ. Perkongsian maklumat berkaitan pencapaian semasa UiTMCJ hasil pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik kepada seluruh warga UiTMCJ melalui pelbagai medium dan dokumentasi, secara tidak langsung membantu warga UiTMCJ untuk peka dengan halatuju UiTMCJ dan membentuk **budaya kebersamaan dan kekeluargaan** dalam kalangan warga UiTMCJ.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ melalui kerangka BT Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan telah menetapkan objektif strategik “**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**”. Objektif ini berteraskan pendekatan kolaboratif dan perkongsian pintar yang memfokuskan **3 inisiatif strategik BT** seperti berikut:

1. Program Jaringan Alumni Profesional - ProNet Alumni (**ProNet**)
2. Inisiatif Komuniti Pintar - Smart Community Engagement (**SmartCE**)
3. Inisiatif Kesukarelawan Kampus – Southern Vibes Volunteers (**Svibes**)

Setiap inisiatif strategik ini diasimilasi dan pelan tindakan yang menyokong agenda nasional dan UiTM berasaskan kerangka kepimpinan Pengurusan Kanan UiTMCJ yang menggunakan formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K4E4**. Formula **#Johor4Excellence=K4E4** adalah berteraskan gabungan konsep **4K** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan dan Kegemilangan** yang diperkasakan dengan nilai **4E** iaitu **Empowerment (Pemeriksaan), Entrusted (Kepercayaan), Enrichment (Pengayaan) dan Empathy (Empati) (Bukti 2.2.1)**.

**Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ 2024–2030** telah dirangka selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025, khususnya bagi mendukung Objektif ke-8 iaitu memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri, serta Strategi ke-3 iaitu memperkasa pengurusan bakat masa hadapan bagi menyokong agenda nasional. Selain itu, pelan ini juga dirangka sejajar dengan dasar-dasar utama negara seperti **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2030 dan SDG**. Keseluruhan inisiatif di bawah pelan ini telah dipetakan dengan tujuh Fokus Utama KPT Tahun 2024. Antara yang utama termasuk **Fokus 1: Penyediaan Bakat Terbaik Negara**, yang memberi penekanan kepada penghasilan graduan berkemahiran tinggi dan berdaya saing melalui nilai keusahawanan sosial dan kepimpinan, yang turut disokong oleh pelaksanaan inisiatif **ProNet** dan inisiatif **SVibes**. Seterusnya, **Fokus 3: Pemindahan dan Perkongsian Ilmu**, dimantapkan melalui pelaksanaan inisiatif **SmartCE** sebagai platform kerjasama berimpak tinggi antara institusi dan komuniti bagi menangani isu setempat. **Fokus 5: Pemantapan Ekosistem Pembolehubah Daya** yang merangkumi kesejahteraan pelajar secara holistik melalui penglibatan dalam aktiviti kesukarelawan, pembangunan sahsiah dan pengukuhan jati diri dalam suasana kampus yang inklusif (**Bukti 2.2.2**).

Selain itu, penetapan objektif bagi BT ini turut mengambil kira amanat **Menteri Pendidikan Tinggi 2024**, khususnya menerusi **Landasan 1: Pembentukan Otak dan Watak**, yang selaras dengan nilai **Enrichment** dan **Empowerment** dalam memupuk sahsiah, jati diri, dan daya saing pelajar melalui kolaborasi pintar bersama alumni dan komuniti. **Landasan 11: Memberdaya Komuniti dan Industri** turut menjadi teras penting melalui pelaksanaan inisiatif **ProNet, SmartCE dan Svibes**. (**Bukti 2.2.2**).

Projek- projek di dalam **Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ 2024** telah dirancang di Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2024 (**Bukti 2.2.3**). Antara projek yang terlibat dengan BT adalah *Alumni Smart Engagement*, Usahawan Muda Alumni, Alumni Prihatin, Alumni Talk, Projek USR KTP dan Students Building Block Catalyst. Kesemua projek dan inisiatif yang melibatkan komuniti dan alumni ini telah didaftarkan di Sistem Pengurusan Strategik UiTM (UiSMS) bagi memudahkan pemantauan dibuat (**Bukti 2.2.4**).

**Rector’s Special Project (RSP)** merupakan projek jangka panjang 2022-2024 dan 2024-2026 yang turut menjadi pemangkin kepada pencapaian BT. Antara RSP yang dijalankan ialah **RSP 10: UiTM Johor Lestari, RSP 12: Global Presence dan RSP 13: Komuniti Antarabangsa**. Bagi memastikan keselarasan di dalam projek-projek BT yang dilaksanakan, pemetaan Objektif Strategik, inisiatif strategik, Projek SAP, PI UiTM dan Projek RSP telah dibuat bagi memastikan objektif strategik “Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi” dapat dicapai. (**Bukti 2.2.5**)

### SENARAI BUKTI:

- 
1. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20251\\_UiTMCJ\\_2.2.1 Kerangka Bidang Tumpuan.pdf](#)
  2. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20252\\_UiTMCJ\\_2.2.2 Pemetaan Bidang Tumpuan.pdf](#)
  3. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20253\\_UiTMCJ\\_2.2.3 Bengkel Perancangan Strategik.pdf](#)
  4. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20254\\_UiTMCJ\\_2.2.4 Sistem UiSMS.pdf](#)
  5. [K0059\\_P01\\_PB02\\_20255\\_UiTMCJ\\_2.2.5 Pemetaan BT.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik UiTMCJ dirangka melalui **Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ 2025** yang diselaraskan dengan aspirasi nasional seperti **Agenda MADANI, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 Globally Renowned University**, gelombang **“Globally Respected 2024”**, matlamat **PPMJ 2030** serta **SDG**. Penetapan objektif ini juga mengambil kira Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2024 yang menggariskan **lima fokus utama dan 20 landasan** hala tuju KPT, terutamanya dalam aspek pemeraksanaan bakat, peningkatan kualiti pendidikan tinggi, dan pengantarabangsaan. Malah, ia turut sejajar dengan **Amanat Naib Canselor UiTM 2024** yang menekankan pemantapan reputasi global, kebolehpasaran graduan, dan pengukuhan penyelidikan berimpak tinggi. Pendekatan strategik ini memberi penekanan kepada kolaborasi bersepadu merentas jabatan, industri, komuniti dan rakan strategik luar, dalam usaha memperkasa pembangunan pelajar, memperkukuh ekosistem pendidikan yang lestari, serta memastikan keberhasilan institusi yang berdaya saing dan relevan secara global **(Bukti 2.3.1)**.

Melalui objektif dan inisiatif strategik BT, ia turut membantu kerajaan negeri Johor untuk mencapai matlamat **Teras 2 (Pembangunan Ekonomi), Teras 4 (Kemudahan dan Keperluan Asas) dan Teras 5 (Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar)**. Penetapan objektif dan inisiatif strategik BT UiTMCJ bukan sahaja seiring dengan aspirasi universiti dan negara, malahan ia menyokong dasar negeri Johor dan dunia.

Inisiatif strategik UiTMCJ direalisasi melalui projek **SAP (Strategic Action Plan)** dan **petunjuk prestasi (PI)** sebagai indikator prestasi UiTMCJ dalam membantu mencapai objektif UiTM. Bagi pengurusan projek SAP dan PI, pegawai yang bertanggungjawab akan dilantik. Apabila PI diperolehi daripada Bahagian Transformasi Universiti (BTU), tanggungjawab PSTU untuk mengagihkan PI kepada bahagian/jabatan. Projek SAP akan dibincangkan di dalam **Bengkel Perancangan Strategik 2024** bagi mencapai objektif UiTMCJ dan PI UiTM. Sepanjang bengkel ini dijalankan, kelemahan projek SAP yang lepas akan dikenalpasti, seterusnya merancang aktiviti-aktiviti di dalam projek SAP 2024 **(Bukti 2.3.2)** dan membentangkannya di Mesyuarat JKEN. Setiap projek SAP akan diketuai oleh Pengarah Program, Pengurus dan ahli bagi memastikan projek SAP berjalan lancar. Segala projek diurus dan dilaksanakan melalui bahagian, unit atau fakulti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan BT **(Bukti 2.3.3)**. Pelaksanaan aktiviti SAP turut digerakkan melalui sinergi antara pelbagai jabatan, unit, dan pihak berkepentingan dalam dan luar kampus, sekaligus memperkukuh usaha bersama ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya **SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 2 (Kelaparan Sifar), SDG 8 (Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan EKonomi), SDG 11 (Bandar dan Masyarakat Mampan) dan SDG 17 (Kerjasama Demi Matlamat)**

**Rector’s Special Projects (RSP)** menjadi pemangkin pencapaian objektif dan inisiatif strategik. Bagi melaksanakan RSP, Rektor melantik pegawai yang bertanggungjawab bagi mengetuai setiap projek dan setiap projek ada beberapa ahli yang akan menggerakkan projek RSP ini **(Bukti 2.3.4)**.

Penyebaran objektif dan inisiatif strategik UiTMCJ telah disampaikan secara langsung kepada seluruh warga UiTMCJ melalui **Amanat Tahun Baru Rektor 2024, Saunah Sharing Session (3S), Taklimat Pemantapan & Budaya Kerja, Sesi Perkongsian UiTMCJ Best Practices, Mesyuarat Akademik, mesyuarat dalaman PTJ dan email** bagi memastikan seluruh warga UiTMCJ cakna dan faham halatuju UiTMCJ terutamanya dalam mencapai sasaran. Pemakluman ini sangat penting kerana pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik merangkumi semua warga UiTMCJ daripada pihak pengurusan atasan hingga kepada staf dan pelajar **(Bukti 2.3.5)**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20251\\_UiTMCJ\\_2.3.1 Hala Tuju BT.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_2.3.2\\_Bengkel Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20253\\_UiTMCJ\\_2.3.3 Contoh SAP.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20254\\_UiTMCJ\\_2.3.4 Pelaksanaan RSP.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB03\\_20255\\_UiTMCJ\\_2.3.5 Komunikasi dan Sebarluas.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik BT tercapai, pemantauan dari semasa ke semasa telah dibuat. Pencapaian PI semasa juga dijadikan indikator utama agar momentum pemantauan dan pelaksanaan program berjalan lancar dan objektif strategik dapat dicapai.

Pemantauan di peringkat UiTM dijalankan antara Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti ( **PSTU**) **UiTMCJ** dan **Pejabat TRU**. Beberapa sistem seperti **UiSMS**, **PRIME**, **SMART** dan **NILAM** digunakan bagi pelaporan dan pemantauan kemajuan projek dan pencapaian PI universiti bagi memastikan projek yang dirancang dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam tempoh masa yang ditetapkan (**Bukti 2.4.1.1**).

Pemantauan di peringkat **Pengurusan Kanan UiTMCJ** dibuat melalui **Mesyuarat JKEN** dan **Mesyuarat MKB**. Ahli Mesyuarat MKB turut melibatkan wakil pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCJ. Dalam mesyuarat ini, ketua-ketua bahagian perlu membentangkan status semasa pencapaian PI bahagian/unit masing-masing. PSTU akan membentangkan pencapaian terkini **keseluruhan PI UiTMCJ** dan ketua bahagian pula akan membentangkan status pencapaian PI bahagian dan masalah yang dihadapi dalam mencapai PI yang telah diamanahkan. Ini membantu Pengurusan Kanan UiTMCJ memantau serta menentukan tindakan yang perlu diambil bagi mewujudkan alternatif lain jika sesuatu inisiatif yang dirancang tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan. (**Bukti 2.4.1.2**)

Pemantauan juga dilaksanakan di peringkat bahagian semasa **mesyuarat dalaman bahagian/unit**. Pegawai yang bertanggungjawab akan membentangkan pencapaian semasa, mengkaji semula aktiviti dan membuat tindakan penambahbaikan (**Bukti 2.4.1.3**). PSTU UiTMCJ turut memantau perkembangan inisiatif strategik secara berkala melalui emel peringatan yang dihantar kepada Pengurus PI yang bertanggungjawab bagi status pencapaian PI dan perkembangan projek SAP. Kumpulan **WhatsApp** yang terdiri daripada Pengurusan Kanan UiTMCJ dan Pengurus PI digunakan sebagai medium komunikasi bagi memantau dan menyemak pencapaian PI UiTMCJ. Status pencapaian PI semasa UiTMCJ dikongsi kepada warga dalam memantau perkembangan program secara berkala dan sistematik. (**Bukti 2.4.1.4**)

Dalam beberapa mesyuarat seperti Mesyuarat JKEN dan Mesyuarat MKB turut membincangkan tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi PI yang tidak tercapai. Melalui pemantauan berterusan, Pengurusan Kanan UiTMCJ dapat memastikan tindakan susulan diambil dengan lebih terancang dan berfokus. Ahli mesyuarat turut berkongsi cadangan penyelesaian atau strategi baharu untuk memperbaiki prestasi dan memastikan PI dapat dicapai. Antara strategi yang dijalankan adalah seperti kaji semula pelan tindakan strategik, menambahbaik aktiviti berkaitan PI dan kempen daftar *star rating* (**Bukti 2.4.1.5**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_UiTMCJ\\_2.4.1.1 Sistem UiSMS.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20252\\_UiTMCJ\\_2.4.1.2 Minit mesyuarat.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20253\\_UiTMCJ\\_2.4.1.3 Pemantauan pencapaian PI.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20254\\_UiTMCJ\\_2.4.1.4 Peringatan Berkala.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20255\\_UiTMCJ\\_2.4.1.5 Cadangan Penambahbaikan.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCJ menggunakan pelbagai mekanisma bagi mengenalpasti setiap risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik.

Projek SAP telah **didaftarkan di dalam sistem UiSMS** bersama dengan maklumat risiko termasuk kategori dan sub-kategori melibatkan **tiga elemen pengukuran risiko** iaitu kebarangkalian berlaku, kadar impak dan tahap risiko (*low, moderate dan high*). Tindakan mitigasi turut diambil kira bagi menyelesaikan masalah dan risiko yang dihadapi. Proses kenalpasti dan pengurusan risiko ini adalah menyeluruh dan melibatkan semua peringkat, dari awal pembangunan SAP sehingga pelaksanaannya. Risiko – risiko ini telah dikenalpasti oleh Pengurus PI dan pendaftaran di sistem UiSMS ini membolehkan pihak PSTU mengenalpasti risiko yang dihadapi oleh setiap projek yang dijalankan dan seterusnya mengambil kira perspektif-perspektif risiko tersebut semasa pelaksanaan projek SAP **(Bukti 2.4.2.1)**.

Di peringkat universiti, **bengkel perancangan strategik UiTMCJ** telah diadakan melibatkan Pengurusan Kanan UiTMCJ, ketua bahagian, ketua unit dan ketua pusat pengajian. Bengkel ini merupakan satu platform perbincangan secara langsung perancangan objektif dan inisiatif strategik menerusi projek-projek SAP UiTMCJ. Bengkel ini juga bertujuan menyemak kemajuan pelan strategik, mengenal pasti kekangan dan risiko yang dihadapi dan kaedah terbaik untuk mengatasinya, seterusnya merangka pelan tindakan **(Bukti 2.4.2.2)**.

Melalui **mesyuarat JKEN** dan **mesyuarat MKB**, perbincangan berkenaan risiko dan program intervensi dibentangkan bagi mengenalpasti dan mengatasi risiko yang dihadapi. Dalam mesyuarat ini, Pengurusan Kanan UiTMCJ membincangkan dan mengambil langkah alternatif untuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi. Ini adalah satu langkah proaktif dan penting dalam mana-mana perancangan aktiviti bagi menghadapi sebarang kemungkinan serta bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti berjalan dengan selamat, lancar dan profesional **(Bukti 2.4.2.3)**. Kumpulan *Whatsapp* dan penyebaran maklumat melalui email juga digunakan bagi membincangkan program intervensi berkaitan. Penyebaran maklumat melalui platform ini digunakan bagi menyebarkan maklumat lebih awal dan sentiasa menyalurkan maklumat terkini **(Bukti 2.4.2.4)**.

**Mesyuarat Kemajuan Projek RSP** turut dijadikan platform dalam mengenalpasti risiko dan membincangkan program intervensi projek berkaitan. Setiap ketua projek perlu melaporkan kemajuan semasa dan kekangan yang dihadapi dalam projek yang dijalankan. Pelaporan secara berkala kepada Rektor ini telah memainkan peranan yang signifikan dalam memantau projek-projek RSP, terutamanya yang menyokong pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang telah dirangka **(Bukti 2.4.2.5)**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20251\\_UiTMCJ\\_2.4.2.1\\_Sistem\\_UiSMS.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20252\\_UiTMCJ\\_2.4.2.2\\_Bengkel\\_Perancangan\\_Strategik.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20253\\_UiTMCJ\\_2.4.2.3\\_Minit\\_mesyuarat.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20254\\_UiTMCJ\\_2.4.2.4\\_Perbincangan\\_dan\\_Pemakluman.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20255\\_UiTMCJ\\_2.4.2.5\\_Mesyuarat\\_Kemajuan\\_RSP.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCJ sentiasa berusaha **meningkatkan pencapaian dan prestasi sedia ada**. Pemantauan berkala dilakukan oleh PSTU UiTMCJ kepada setiap PI dan prakarsa strategik yang telah disusun bagi memastikan ianya sentiasa bertepatan dengan perancangan yang telah diatur. Melalui **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ 2024-2025**, **pelan strategik UiTMCJ** telah dirangka dan dibentangkan di akhir sesi bengkel (**Bukti 2.4.3.1**).

Pemantauan yang telah dibuat membantu proses penambahbaikan inisiatif strategik bagi meningkatkan pencapaian PI UiTMCJ. Melalui **Mesyuarat JKEN** dan **Mesyuarat MKB**, Pengurusan Kanan UiTMCJ telah memantau serta mengambil tindakan yang segera bagi menambahbaik inisiatif strategik yang dirangka. Hal ini penting agar peratus pencapaian PI UiTMCJ sentiasa meningkat dan mewujudkan alternatif lain jika sesuatu pelan yang dirancangkan itu tidak mencapai sasaran petunjuk prestasi UiTMCJ. **Punca ketidakcapaian PI akan dikaji** agar langkah pembetulan dan penambahbaikan inisiatif strategik dapat ditangani segera (**Bukti 2.4.3.2**).

**Mesyuarat pada peringkat dalaman bahagian, unit dan fakulti** turut membentangkan pencapaian PI daripada pelaksanaan inisiatif strategik. Melalui hasil pemantauan, ahli mesyuarat turut membuat kaji semula dan tindakan penambahbaikan bagi memastikan objektif universiti dan inisiatif strategik tercapai. **Risiko-risiko** yang wujud direkodkan dalam **sistem UiSMS** oleh **PSTU UiTMCJ**. Pencapaian PI setiap projek SAP juga dipantau oleh PSTU dalam *Google Sheet* dan perbincangan dilakukan melalui kumpulan *WhatsApp* Strategik UiTMCJ (**Bukti 2.4.3.3**).

Dokumentasi pelaksanaan aktiviti dan program oleh staf dan pelajar UiTMCJ **disediakan dalam bentuk laporan analisa**. Ia adalah bertujuan untuk memberi penekanan kepada dapatan penting, isu utama, pencapaian atau hasil yang diperolehi terhadap setiap projek atau program yang dijalankan. Laporan analisa ini dapat membantu tindakan penambahbaikan terhadap program atau projek yang dijalankan (**Bukti 2.4.3.4**).

Pembentangan kemajuan projek oleh ketua projek RSP secara berkala sangat membantu dalam merangka tindakan penambahbaikan. **Perancangan kemajuan projek** turut dibincangkan bagi mengatasi kekangan dan masalah yang dihadapi. Penambahbaikan prestasi bagi projek-projek RSP mampu meningkatkan lagi pencapaian PI UiTMCJ pada masa hadapan. Hasil kaji semula dan tindakan penambahbaikan turut **dikongsikan secara langsung** kepada warga oleh Rektor selaku ketua PTJ melalui pelbagai sesi antaranya **Saunah's Sharing Session (3S)**. Program ini secara tidak langsung memastikan semua warga UiTMCJ cakna tentang pencapaian PI universiti (**Bukti 2.4.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_UiTMCJ\\_2.4.3.1 Laporan Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ tahun 2024-2025.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20252\\_UiTMCJ\\_2.4.3.2 Minit Mesyuarat JKEN & MKB 2024.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_UiTMCJ\\_2.4.3.3 Pembentangan Peringkat Jabatan Pencapaian PI & Pendaftaran Risiko Projek SAP.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20254\\_UiTMCJ\\_2.4.3.4 Contoh Laporan Aktiviti Inisiatif Strategik dan Analisa Maklumbalas Aktiviti.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20255\\_UiTMCJ\\_2.4.3.5 Mesyuarat Pelaporan RSP dan Saunah's Sharing Session \(3S\) oleh Rektor UiTMCJ.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Secara keseluruhan, warga UiTMCJ sentiasa cakna dengan halatuju strategik transformasi UiTM serta UiTMCJ khususnya. Pembudayaan ini bermula dari Rektor selaku ketua PTJ yang menyampaikan maklumat yang jelas secara langsung kepada warga UiTMCJ melalui **program Amanat Naib Canselor dan Amanat Rektor (Bukti 2.5.1)**. Pengurusan Kanan UiTMCJ meningkatkan pembudayaan positif dalam transformasi universiti dengan sentiasa memberi motivasi kepada warga UiTMCJ melalui perkongsian maklumat pencapaian PI, hasil inisiatif strategik dan kejayaan UiTMCJ di dalam program **Saunah Sharing Session (3S)**. Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan usaha perkongsian maklumat dan motivasi warga UiTMCJ untuk memastikan kecemerlangan UiTM dan UiTMCJ terutamanya dalam mencapai objektif BT “Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi”.

**PSTU UiTMCJ** turut memainkan peranan dalam pembudayaan pelaksanaan inisiatif strategik dalam kalangan warga UiTMCJ. PSTU akan **menghebahkan pencapaian PI yang diperolehi** oleh UiTMCJ dan mengeluarkan **poster tahniah** kepada kumpulan yang bertanggungjawab terhadap **PI yang berjaya mencapai 100%**. Poster tahniah ini dihebahkan kepada seluruh warga UiTMCJ melalui emel. UiTMCJ juga mengadakan **anugerah pencapaian PI yang dikenali sebagai Performance Indicators Champion Award** bagi memberi penghargaan kepada kumpulan dan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan PI UiTMCJ (**Bukti 2.5.2**). Usaha yang dilakukan ini adalah sebagai satu bentuk motivasi bagi memastikan kecemerlangan dan **kegemilangan** UiTMCJ secara berterusan.

Pendekatan **Top Down** dan **Bottom Up** diterapkan di UiTMCJ dalam penyebaran maklumat berkaitan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. **Mesyuarat JKEN** dan **Mesyuarat MKB** serta **laman sesawang UiTMCJ** turut menjadi platform rasmi bagi penyampaian maklumat terus dari Pengurusan Kanan UiTMCJ kepada warga UiTMCJ. **Ketua-ketua bahagian** turut memainkan peranan menyebarkan maklumat objektif dan inisiatif strategik kepada staf seliaan melalui **mesyuarat dalaman, emel dan platform media sosial seperti Telegram** dan **WhatsApp (Bukti 2.5.3)**.

Seluruh warga UiTMCJ menggembeng tenaga bagi melaksanakan inisiatif strategik **ProNet, SmartCE** dan **Svibes** seterusnya membantu UiTMCJ mencapai objektif strategik “**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**”. Sokongan Pengurusan Kanan UiTMCJ diterjemahkan dengan menyediakan kemudahan kewangan dan fasiliti terbaik kepada warga UiTMCJ. Ianya telah memberi kesan yang sangat positif di mana **kecemerlangan bakat** warga UiTMCJ sangat terserlah dan signifikan dalam BT jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (**Bukti 2.5.4**). **Penghasilan Sistem Tempahan SPA atas talian** adalah antara inovasi yang berjaya dilaksanakan bagi membantu proses tempahan SPA yang lebih bersistematik dalam kalangan komuniti yang terlibat (**Bukti 2.5.5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20251\\_UiTMCJ\\_2.5.1 Sebar Luas Petunjuk Prestasi.pdf](#)
2. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20252\\_UiTMCJ\\_2.5.2 Pemakluman Pencapaian PI UiTMCJ 2024.pdf](#)
3. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20253\\_UiTMCJ\\_2.5.3 Platform Pengkongsian Maklumat.pdf](#)
4. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_2.5.4 Contoh Kertas Kerja Program dan Aktiviti Alumni.pdf](#)
5. [K0059\\_P01\\_PB05\\_20255\\_UiTMCJ\\_2.5.5 Inovasi Pusat Inkubator Spa.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCJ sentiasa menitikberatkan kepuasan pelanggan yang terdiri daripada pelanggan dalaman dan pelanggan luar. Segala keperluan pelanggan khususnya dalam pemerkasaan **Bidang Tumpuan (BT) Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** diperincikan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ. Bagi mencapai objektif strategik BT iaitu **Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**, penumpuan pelanggan diberikan kepada tiga inisiatif utama **ProNet Alumni (ProNet), Smart Community Engagement (SmartCE)** dan **Southern Vibes Volunteers (SVibes)**. UiTMCJ sentiasa peka dengan jalinan dan kebergantungan di antara kumpulan sasar melalui analisis, aduan dan maklum balas yang diterima daripada pelanggan.

**Pendekatan (Approach)** - Perancangan untuk tumpuan pelanggan melalui projek-projek berkaitan BT dirangka dengan memfokuskan kepada formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K4E4**. UiTMCJ turut menekankan perancangan BT yang sejajar dengan hala tuju negara seperti **Sustainable Development Goals (SDG)** di samping mendukung agenda Pengajian Tinggi dengan merujuk kepada inisiatif yang diketengahkan melalui **Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2024**. Di peringkat Universiti, UiTMCJ berkongsi matlamat bersama yang dirujuk kepada **Amanat Naib Canselor UiTM 2024** dan **Amanat Rektor UiTMCJ 2024** tanpa mengambil mudah agenda negeri contohnya menyokong **Dasar Maju Johor 2030** secara konsisten. Setiap perancangan dibuat secara sistematik dengan **mengenal pasti kumpulan sasar** melalui pelaksanaan aktiviti BT.

**Perluasan (Deployment)** - Kaedah dan cara pelaksanaan bermula daripada proses pengumpulan maklumat, aduan dan analisa yang diperolehi daripada platform seperti **emel**, sistem **SMART, NILAMs, PRIME, Sistem V Alumni UiTMCJ, Sistem Penarafan Bintang Prime UiTMCJ dan Sistem CorePoint**. **ProNet** ialah inisiatif strategik yang mengukuhkan sinergi UiTMCJ bersama alumni melalui platform berstruktur yang menghubungkan alumni industri dengan pelajar dan pensyarah di **peringkat UiTM**. **SmartCE** pula memberi impak tinggi melalui penglibatan warga UiTMCJ, komuniti, Kerajaan Negeri dan NGO, dengan pelaksanaan yang **menjangkau peringkat UiTM** melalui program komuniti berteraskan nilai empati. **SVibes** menyokong kesukarelawanan warga kampus dengan melatih pelajar menyertai inisiatif negeri, bantuan bencana dan program kebajikan. Ketiga-tiga inisiatif ini memperkukuh hubungan dalaman UiTM dan memberi manfaat meluas kepada pihak luar melalui pendekatan bersepadu dan berimpak tinggi.

**Pembelajaran (Learning)** - Bagi tujuan pembelajaran, UiTMCJ memfokuskan kepada pemantauan melalui mesyuarat berkala bagi **setiap bahagian dan unit**. Arahan tindakan dan pelaksanaan juga akan diambil bagi menangani aduan pelanggan antaranya melalui **aduan rektor, borang soal selidik** serta **maklumbalas pelanggan** berhubung program ataupun perkhidmatan UiTMCJ. Antara contoh pemantauan dan penambahbaikan aktiviti BT, **taklimat dan bengkel berkaitan BT, pemberian dana dan peranan mentor-mentee**. UiTMCJ turut memastikan tindakan dan pelaksanaan berkaitan BT berada dalam makluman warga iaitu melalui **Mesyuarat Akademik, Penerbitan majalah UiTMCJ dan program bersama ketua UiTMCJ yang dinamakan 3S (Saunah's Sharing Session) dan Amanat Rektor**.

**Integration (Integrasi)** - Di **peringkat UiTM**, inisiatif **ProNet** dilaksanakan melalui pelbagai program seperti Amal Kasih Ramadhan, Alumni Prihatin 2024: Peranti Asnaf dan Program Alumni Prihatin. Di **peringkat kebangsaan, SmartCE** memperluas integrasi dengan sekolah, industri dan komuniti melalui pembudayaan di luar UiTM. Maklum balas pelanggan turut mencetuskan **inovasi** yang meningkatkan kualiti perkhidmatan dan manfaat kepada penerima. Antara inovasi tersebut ialah **Modul Pemindahan Ilmu (e-Book)** untuk program SafetyNETZ@OrangAsli serta Inovasi **Teknik Urutan Spa** di bawah program CosMos. Keseluruhan integrasi ini membuktikan pendekatan menyeluruh UiTMCJ dalam memacu impak kepada komuniti dalaman dan luaran.



### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ sentiasa peka akan kepentingan kumpulan sasar bagi BT yang dipilih. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, fokus utama adalah memastikan kepuasan pelanggan berkaitan bidang tumpuan ini. Definisi pelanggan merujuk kepada manual kualiti UiTM boleh dibahagikan kepada **dua kategori** iaitu: **(1) Pelanggan Dalaman**, dan **(2) Pelanggan Luar**. Pelanggan dalaman merujuk kepada pelajar yang berdaftar di UiTMCJ, para pensyarah, pihak pentadbir akademik dan staf sokongan. Manakala Pelanggan Luar merujuk kepada universiti, industri, agensi-agensi kerajaan, masyarakat (komuniti termasuk alumni), dan lain-lain yang berkenaan **(Bukti 3.2.1)**.

Berpandukan kepada tiga inisiatif utama BT, UiTMCJ memfokuskan kluster pelanggan BT berteraskan **Agenda Utama KPT dan Pelan Tindakan Strategik UiTMCJ** yang sejajar dengan hala tuju negara seperti **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Pelan Pembangunan Mampan Johor (PPMJ) 2023 (Bukti 3.2.2)**. Pemerkasaan ini turut mengambil penting agenda pengajian tinggi dengan merujuk kepada inisiatif yang diketengahkan melalui **Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2024** dan agenda universiti dalam **Amanat Naib Canselor UiTM 2024**. Setiap agenda negara, negeri, pengajian tinggi dan universiti tersebut diterjemahkan dalam **Amanat Rektor UiTMCJ 2024** agar dapat dihayati dan dilaksanakan oleh warga dalam memastikan kepuasan pelanggan tercapai **(Bukti 3.2.3)**.

Dalam ucapan Menteri Pendidikan Tinggi sempena Landasan **Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024**, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bukan sahaja bertanggungjawab **membangunkan bakat** dalam kalangan warganya, tetapi juga memiliki tanggungjawab besar untuk **memberdayakan komuniti dan industri** melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu atau *Knowledge Sharing and Transfer Programme* (KSTP). Melalui inisiatif ini, hasil penyelidikan dan keilmuan yang dijana di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) **dapat dipulangkan kepada masyarakat** dalam bentuk yang memberi manfaat, memastikan limpahan kebaikan tidak hanya dirasai oleh warga IPT tetapi turut dinikmati oleh industri dan komuniti, **selaras dengan konsep Malaysia MADANI**.

Setiap perancangan dibuat secara sistematik dengan **mengenal pasti kumpulan sasar** melalui pelaksanaan aktiviti BT. Inisiatif **ProNet** mensasarkan penglibatan alumni, staf dan juga pelajar UiTMCJ. Inisiatif **SmartCE** pula memfokuskan penglibatan staf, pelajar dan komuniti (merangkumi golongan OKU, B40 & Komuniti). Inisiatif **SVibes** pula menyasarkan penglibatan staf, pelajar UiTMCJ dan komuniti. Setiap inisiatif mempunyai fokus pelanggan yang mengikut objektif program yang telah dirancang **(Bukti 3.2.4)**.

Inisiatif **ProNet** menyediakan platform **rangkaian alumni profesional** bagi menghubungkan graduan yang berjaya dalam pelbagai industri dengan pelajar dan pensyarah. Alumni menyumbang kembali kepada institusi melalui sesi mentor-mentee, ceramah industri dan peluang kerjaya. Inisiatif **SmartCE** oleh Warga UiTMCJ melalui **projek pemindahan ilmu** seperti bimbingan digital untuk usahawan mikro luar bandar, bengkel teknologi pertanian pintar dan kelas literasi kewangan kepada komuniti. Inisiatif **SVibes** pula memperkasakan warga UiTMCJ dengan jiwa kesukarelawan dan empati tinggi serta bersedia **menyokong inisiatif kerajaan negeri, bantuan bencana, program kebajikan dan acara berskala besar** di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa **(Bukti 3.2.5)**.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20251\\_UiTMCJ\\_3.2.1\\_Definisi Pelanggan Dalam Manual Kualiti UiTM.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20252\\_UiTMCJ\\_3.2.2\\_Pemetaan Dasar Kepada BT.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20253\\_UiTMCJ\\_3.2.3\\_Amanat Pendidikan Tinggi Amanat Naib Canselor 2024.pdf](#)

- 
4. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20254\\_UiTMCJ\\_3.2.4\\_Kumpulan Sasar Bagi 3 Inisiatif Utama.pdf](#)
  5. [K0059\\_T01\\_TB02\\_20255\\_UiTMCJ\\_3.2.5 Contoh Pelaksanaan Program Bagi 3 Inisiatif Utama.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCJ telah merangka pendekatan strategik bagi memastikan tumpuan kepada pelanggan bagi setiap program yang dirancang mencapai objektif yang ditetapkan dan memberikan impak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh itu, UiTMCJ memastikan program-program yang dirancang selari dengan **Agenda Utama KPT, Matlamat SDG, dan PPMJ 2030 (Bukti 3.3.2)**.

**ProNet** merupakan inisiatif strategik yang memperkukuh sinergi antara **UiTMCJ & alumni**. Inisiatif ini **menyediakan platform yang berstruktur** untuk menghubungkan alumni dalam pelbagai bidang industri dengan pelajar dan pensyarah, sekaligus memperkukuh hubungan dua hala di **peringkat UiTM**. Melalui pelaksanaan sesi **mentor-mentee, ceramah industri serta perkongsian peluang kerjaya**, alumni bukan sahaja menyumbang kembali kepada universiti, malah turut menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat pelajar secara holistik (**Bukti 3.3.3**). Elemen **Enrichment** turut diterapkan melalui pendedahan langsung kepada pengalaman dunia sebenar, peningkatan kemahiran insaniah, pengukuhan jaringan profesional dan penyediaan sokongan kerjaya yang relevan. Inisiatif memberi **impak tinggi** dalam aspek peningkatan kebolehpasaran graduan, membuka akses kepada peluang latihan industri dan pekerjaan. Inisiatif ini secara tidak langsung menyokong agenda kelestarian alumni selaku pelanggan berterusan dalam **jaringan dinamik universiti, dan memperkukuh ekosistem pembangunan modal insan** serta **penjanaan pendapatan** bagi **UiTMCJ**.

**SmartCE** merupakan satu inisiatif berimpak tinggi hasil sinergi yang memberi impak kepada kumpulan sasaran seperti warga UiTMCJ, komuniti, Kerajaan Negeri dan NGO. Tahap pelaksanaan inisiatif ini **menjangkau peringkat UiTM** melalui program-program komuniti yang menasaskan bukan hanya pelanggan dalam UiTM, malah memberi impak positif melalui nilai **Empathy** kepada pelanggan luaran (Komuniti, Kerajaan Negeri dan NGO). Sebagai contoh, program **CosMos** yang menasaskan **penglibatan staf, pelajar kepada komuniti (golongan OKU & B40)** menerusi projek pemindahan ilmu (teknik spa dan sauna) dalam meningkatkan jumlah pendapatan golongan sasaran. Di samping itu juga, Program Pengajaran Fardhu Ain kepada masyarakat orang asli juga memberikan impak tinggi dalam membina model insaniah Islam. (**Bukti 3.3.4**)

**Svibes** pula merupakan inisiatif kesukarelawanan warga kampus untuk membentuk pasukan pelajar yang terlatih serta bersedia menyokong inisiatif negeri, bantuan bencana dan program kebajikan. Antara program yang telah dijalankan adalah, **Charity Journey For All** yang menasaskan **penglibatan 28 peserta, termasuk 20 pelajar Komander Kesatria UiTM Johor dan 8 staf** di bawah sokongan Unit Kokurikulum serta kerjasama erat Majlis Perwakilan Komander Kesatria. **Standard Chartered Singapore Marathon (SCSM)** melibatkan penglibatan seramai **250 pelajar dan 7 orang staf** sebagai sukarelawan bertempat di sekitar Singapura pada 30 November - 1 Disember 2024. Program ini melibatkan penglibatan kesukarelawanan pelajar paling ramai di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini meningkatkan **visibiliti UiTMCJ** dan menjalin kerjasama strategik dengan agensi luar. Melalui pendekatan **Empowerment**, pelajar diberi peluang memimpin, merancang dan melaksanakan aktiviti, sekaligus membentuk keyakinan dan jati diri. **Empathy** menjadi asas dalam membina hubungan dengan komuniti. Bagi memperkukuh impak, Penyertaan pelajar dan staf dapat membina sahsiah holistik dan patriotik, serta memupuk nilai empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan generasi muda. (**Bukti 3.3.5**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20251\\_UiTMCJ\\_3.3.1 Pengumpulan Data Pelanggan UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_3.3.2 Pendekatan Strategik Dasar Kepada BT.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20253\\_UiTMCJ\\_3.3.3 Penglibatan Golongan Sasar ProNet.pdf](#)

4. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20254\\_UiTMCJ\\_3.3.4\\_Penglibatan Golongan Sasar SmartCE.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB03\\_20255\\_UiTMCJ\\_3.3.5\\_Penglibatan Golongan Sasar SVibes.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Berpaksikan kepada formula kecemerlangan **#Johor4Excellence=K4E4** yang memberi penekanan kepada elemen 4E iaitu **Empowerment, Entrusted, Enrichment dan Empathy**, UiTMCJ telah menjalankan pelbagai aktiviti memfokuskan tiga inisiatif utama. Hasilnya, program-program yang dijalankan memberikan impak nyata kepada setiap pihak yang terlibat **(Bukti 3.4.1.1)**

Inisiatif **ProNet** telah menjadi jambatan yang **menyatukan hubungan dua hala antara UiTMCJ serta alumni UiTMCJ** yang telah berjaya dalam pelbagai bidang. Perkongsian ilmu, kemahiran dan cabaran dalam industri dapat membantu pelajar **meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar terhadap industri, mengasah bakat dan mengenali potensi diri**, sekaligus membuka peluang untuk mengenali industri dengan lebih mendalam, **memupuk kemahiran insaniah pelajar** serta **menyediakan sokongan kerjaya** yang relevan. Antara program yang memberikan impak adalah Alumni Engagement Talk dan Industrial Talk. Hasil daripada program-program yang dijalankan, alumni UiTMCJ berjaya mencipta kejayaan cemerlang dalam pelbagai kerjaya. **(Bukti 3.4.1.2)**

Inisiatif **SmartCE** memfokuskan kepada **peningkatkan keupayaan ekonomi dan sosial** komuniti (peningkatan pendapatan), **memperkasakan pengetahuan dan pengalaman** pelajar melalui pembelajaran berasaskan projek sebenar (pelajar sebagai fasilitator) serta **memupuk hubungan jangka panjang** antara warga UiTMCJ dan masyarakat (melalui kerjasama dua hala pelbagai agensi) **(Bukti 3.4.1.3)**. Aktiviti bersama **komuniti** di bawah pengelolaan ICAN membawa pelbagai manfaat kepada komuniti, terutamanya berkaitan perkongsian ilmu dan kepakaran. Misalnya, beberapa MOA dan MOU yang telah dilaksanakan hasil dari **program komuniti** yang dianjurkan oleh universiti. Selain pelajar, penglibatan pensyarah dalam program khidmat masyarakat turut dinilai, sejajar dengan **penilaian tugas pensyarah dalam MyATP** **(Bukti 3.4.1.4)**

Melalui inisiatif **SVibes**, UiTMCJ menjadi universiti pertama yang melancarkan **Southern Volunteers** di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) apabila menjalin kerjasama dan berganding bahu dengan pihak NGO dan Kerajaan Negeri bagi membantu penduduk setempat yang dilanda musibah. Program seumpama ini dapat **memupuk nilai empati dalam diri** pelajar serta **menjalin kerjasama** dan **semangat berpasukan** semasa menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Peribadi serta **sahsiah diri pelajar dapat dibentuk** sempurna dan menyediakan diri mereka menjadi pelajar yang berpekeriti mulia dan holistik.

UiTMCJ **memantau keberkesanan program** yang dijalankan kepada tumpuan melalui pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Keberkesanan ini program dipantau melalui **maklumbalas pelanggan** dari setiap program yang dijalankan **(Bukti 3.4.1.5)**. Maklumbalas yang diterima, telah **dianalisa dan penambahbaikan dilakukan menerusi kesinambungan program yang dijalankan**.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_UiTMCJ\\_3.4.1.1\\_Kebaikan dan Ganjaran Kepada Kumpulan Sasar.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_UiTMCJ\\_3.4.1.2\\_Program Alumni dan Pencapaian Alumni.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20253\\_UiTMCJ\\_3.4.1.3\\_Kebaikan dan Ganjaran Program SmartCE.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20254\\_UiTMCJ\\_3.4.1.4\\_MyATP dan penjanaan pendapatan komuniti.pdf](#)



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Melalui maklumbalas pelanggan, risiko kepada tumpuan pelanggan yang telah dikenalpasti didaftar, dinilai dan dianalisa melalui medium mesyuarat **Jawatankuasa Pemilik Risiko, Mesyuarat Akademik dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri**. Risiko berkaitan BT dapat **dikenalpasti melalui** adalah **risiko kekangan kewangan (Bukti 3.4.2.1)**

Risiko turut dikenalpasti melalui maklumbalas pelanggan daripada **laporan program** berasaskan BT (**Bukti 3.4.2.2**). Pelaksanaan projek di bawah BT dipantau secara sistematik oleh risiko yang telah dikenal pasti akan dibincangkan dan disusuli dengan cadangan **penambahbaikan** serta **pemantauan berterusan**.

Antara risiko lain yang dikenalpasti adalah **risiko kekurangan penglibatan staf** dalam projek alumni dalam projek BT. Bagi mengatasi risiko ini, UiTMCJ mengambil inisiatif meluluskan penubuhan **Special Interest Group (SIG)** dengan memperkukuh elemen **Empowerment** dalam kalangan warga UiTMCJ bagi memperkasakan pelaksanaan projek BT. BPJI pula, melalui **mesyuarat jaringan negeri** bersama **ICAN** dan **alumni**, menilai risiko dari aspek kekurangan dana dengan memanfaatkan sumber dalaman, geran luaran dan kerjasama **MoU/MoA** strategik sebagai langkah yang mencerminkan prinsip **Entrusted** dalam pelaksanaan program, dengan mempercayai kebolehan warga UiTMCJ untuk mengurus sumber dengan cekap (**Bukti 3.4.2.3**)

Untuk menggalakkan penglibatan pelajar, **pengecualian kuliah** dan **sokongan persatuan pelajar** dilaksanakan bagi menerapkan elemen **Enrichment** dan **Empathy** iaitu melalui kepimpinan serta pengalaman pembelajaran berimpak tinggi di luar bilik kuliah. Selain itu, pelanggan dalaman dan luar boleh mengemukakan aduan melalui **e-Aduan Rektor di bawah Rector's Special Projects (RSP)**. Platform e-Aduan rektor terbuka untuk menerima sebarang aduan, cadangan, penghargaan atau pertanyaan daripada pelajar, staf akademik, staf bukan akademik dan pelawat (**Bukti 3.4.2.4**).

**Pengurusan risiko** merangkumi proses mengenal pasti peristiwa yang mungkin atau akan berlaku serta tindakan kawalan yang dilaksanakan agar dapat memberi jaminan ke arah pencapaian objektif UiTMCJ. Pelanggan boleh membuat aduan kepada penyelar unit pengurusan risiko dan segala aduan dilaporkan melalui **sistem e-RMS** sehingga ke proses kemaskini daftar risiko (**Bukti 3.4.2.5**). Melalui kaedah pengurusan ini, kepuasan pelanggan yang terlibat dengan alumni, keusahawanan dan kesukarelawanan dapat dioptimumkan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_UiTMCJ 3.4.2.1 Pengurusan Risiko Melalui Mesyuarat.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_UiTMCJ 3.4.2.2 Laporan permasalahan dan Penambahbaikan BT.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20253\\_UiTMCJ 3.4.2.3 SIG dan pengurusan PJI.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20254\\_UiTMCJ 3.4.2.4 Pengecualian kuliah dan e-Aduan rektor.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20255\\_UiTMCJ 3.4.2.5 Pengurusan Risiko.pdf](#)

### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi setiap program berkaitan BT, analisa dilakukan oleh pihak penganjur daripada **borang soal selidik** yang diterima daripada peserta bagi **meneliti keberkesanan program** yang telah dijalankan. **Komen dan cadangan** peserta juga dimasukkan ke dalam laporan dan diambil tindakan oleh penganjur. **Maklum balas peserta bagi setiap sesi** tersebut diambil kira dalam **mempertingkatkan mutu khidmat** penganjur berdasarkan **keperluan** komuniti (**Bukti 3.4.3.1**).

Selain itu, platform aduan pelanggan UiTMCJ akan sentiasa dibuka untuk tindakan penambahbaikan ialah **e-Aduan Rektor**. Maklum balas ataupun aduan yang diterima akan dianalisis dan diambil tindakan. Pelaporan daripada medium tersebut dibentangkan melalui mesyuarat **Rector's Special Projects (RSP)** yang dijalankan secara berkala (**Bukti 3.4.3.2**).

Setiap risiko berkaitan BT yang dikenal pasti **diambil maklum, diteliti, disemak** dari masa ke semasa bagi merancang tindakan penambahbaikan. Isu yang lebih serius akan dibincangkan dalam **MKB, MKSP dan Mesyuarat JKEN**. Analisa ini bertujuan **mengkaji semula pengurusan** sekaligus menentukan tindakan yang perlu diambil bagi menambah baik program dan mencapai pencapaian objektif dan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan sekaligus membantu menyelesaikan isu-isu daripada maklumbalas pelanggan (**Bukti 3.4.3.3**).

Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh BPJI bagi menangani beberapa isu yang dinyatakan adalah melalui **taklimat dan bengkel berkaitan BT, pemberian dana dan peranan mentor-mentee**(**Bukti 3.4.3.4**).

Penelitian terhadap maklumbalas pelanggan UiTMCJ dapat memastikan pelaksanaan **memenuhi kehendak pelanggan**. Proses mengkaji semula pelaksanaan dan pencapaian pelanggan amatlah penting bagi **mengurangkan peratus risiko** yang telah dikenal pasti dan **memastikan langkah-langkah pencegahan yang strategik** dapat dilaksanakan. UiTMCJ turut memastikan tindakan dan pelaksanaan berkaitan BT berada dalam makluman warga iaitu melalui **Mesyuarat Akademik, Penerbitan majalah UiTMCJ** dan program bersama ketua UiTMCJ yang dinamakan **3S (Saunah's Sharing Session)** dan **Amanat Rektor** (**Bukti 3.4.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_UiTMCJ\\_3.4.3.1 Maklum balas Program.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20252\\_UiTMCJ\\_3.4.3.2 e-Aduan rektor.pdf](#)
3. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20253\\_UiTMCJ\\_3.4.3.3 Mesyuarat UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20254\\_UiTMCJ\\_3.4.3.4 Langkah penambah baik PJIA berkaitan BT.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20255\\_UiTMCJ\\_3.4.3.5 Perkongsian bersama warga.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui beberapa tindakan penambahbaikan, UiTMCJ berjaya memberikan impak dan keberkesanan yang positif melalui amalan pembudayaan BT di peringkat UiTM, kebangsaan dan antarabangsa.

Di peringkat UiTM, pelbagai aktiviti bersama di bawah inisiatif **ProNet** telah diadakan seperti **Amal Kasih Ramadhan, Program Alumni Prihatin 2024: Peranti Asnaf, dan Program Alumni Prihatin (Bukti 3.5.1)** bagi membantu warga UiTMCJ dan masyarakat setempat. Program Alumni Prihatin 2024: Peranti Asnaf, sedikit sebanyak membantu pelajar dari latar belakang kurang berkemampuan melalui sumbangan komputer. Usaha UiTMCJ yang jitu dalam memastikan kemenjadian pelajar alumni melalui siri **Alumni Smart Engagement** telah terbukti berjaya apabila Kadar Bekerja Graduan (GE) dan Kadar Kebolehpasaran Graduan (GM) meningkat, masing-masing pada kadar 92.7% dan 94.5%. Kejayaan ini sekaligus melayakkan UiTMCJ untuk dinobatkan sebagai pemenang tempat kedua bagi **GE 2024: Graduan Ijazah Pertama Bergaji Premium Tertinggi dan GM 2024: Kadar Kebolehpasaran Graduan Tertinggi**, di samping merangkul tempat kedua **Anugerah Sumbangan Alumni Terbaik 2024** dan **Anugerah Geran Alumni 7K: Program Berimpak 2024 (Bukti 3.5.2)**.

Di peringkat Kebangsaan, pembudayaan di luar UiTM yang melibatkan pelanggan luar seperti sekolah, industri dan komuniti setempat dizahirkan melalui **inisiatif SmartCE**. Sebagai contoh, penubuhan Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna UiTMCJ (PIKSS) yang melibatkan peserta komuniti, golongan OKU dan B40 telah membuka pelbagai faedah bagi setiap kumpulan komuniti yang terlibat melalui program CosMos. Program ini telah membantu meningkatkan kebolehpasaran dan penjana pendapatan sendiri melalui keusahawanan sosial, di samping membantu peserta komuniti meningkatkan kemahiran dalam bidang kecantikan dan terapi. Inisiatif projek ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan sehingga melayakkan projek ini untuk merangkul beberapa anugerah inovasi seperti Johan bagi kategori **Anugerah Projek Komuniti (Penyelidikan/Inovasi)** dan **Anugerah Perusahaan Sosial Pelajar Terbaik KPT (Bukti 3.5.3)**. Kemenangan ini menghasilkan lebih banyak inovasi, seperti membuka lebih banyak spa seperti di setiap Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK).

Selain itu, beberapa maklum balas yang diperoleh daripada pelanggan luar UiTM melalui platform dan saluran rasmi. Antara maklum balas yang diterima ialah **tiada platform rasmi** bagi pelanggan luar untuk memberikan maklum balas dan cadangan. Oleh itu, UiTMCJ telah mengadakan **Hari Bertemu Pelanggan (Bukti 3.5.4)** sebagai pendekatan holistik bagi mendapatkan maklum balas berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan kepada kumpulan sasaran. Dengan langkah ini, UiTMCJ akan dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan sedia ada.

Beberapa **inovasi telah terhasil** daripada maklumbalas pelanggan yang meningkatkan mutu perkhidmatan dan manfaat yang diterima oleh pelanggan. Antaranya, **Modul Pemindahan Ilmu (e-Book)** bagi program SafetyNETZ@OrangAsli dan **Inovasi Teknik Urutan Spa** bagi program CosMos. **(Bukti 3.5.5)**

Di peringkat antarabangsa, UiTMCJ sentiasa bergiat aktif menjalinkan **kerjasama antarabangsa (MoA & MoU)** dengan pihak universiti dari luar negara melalui inisiatif **SVibes** seperti program **SCSM dan Charity Journey For All**. Selain itu, kerjasama dengan pihak antarabangsa membuka ruang kepada pertukaran pelajar, pensyarah, penyelidikan bersama, dan penerbitan akademik dengan rakan kongsi. **(Bukti 3.5.5)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20251\\_UiTMCJ\\_3.5.1.Amal Kasih Ramadhan, Program Alumni Prihatin 2024.pdf](#)
2. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20252\\_UiTMCJ\\_3.5.2\\_Kadar Bekerja Graduan & Kadar Kebolehpasaran](#)

[Graduan.pdf](#)

3. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20253\\_UiTMCJ\\_3.5.3\\_Integrasi Pusat Inkubator Keusahawanan Spa dan Sauna.pdf](#)
4. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_3.5.4\\_Hari Bertemu Pelanggan.pdf](#)
5. [K0059\\_T01\\_TB05\\_20255\\_UiTMCJ\\_3.5.5\\_Inovasi dan MoAMou.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Pendekatan (Approach)** di peringkat UiTMCJ sentiasa memastikan segala data dalam bidang jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dikumpul, dianalisa dan dilihat keberkesannya agar ianya selari dengan tiga inisiatif utama BT iaitu **1. ProNet Alumni (ProNet) 2. Smart Community Engagement (SmartCE) 3. Southern Vibes Volunteers (SVibes)**. Bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025, UiTMCJ menetapkan sasaran keberhasilan ini berlandaskan nilai-nilai **K<sup>4</sup>** iaitu **Kebajikan, Keprihatinan, Kekeluargaan, dan Kegemilangan** yang diperkasakan lagi dengan nilai - nilai **E<sup>4</sup>** iaitu **Empowerment (Pemeriksaan), Entrusted (Kepercayaan), Enrichment (Pengayaan) dan Empathy (Empati)**. Kesemua item ini diukur seiring dengan hasrat UiTMCJ untuk menuju **#Johor4Excellence** menerusi formula **K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>** ini.

**Perluasan (Deployment)** bagi pengukuran dan analisa dibuat secara berperingkat iaitu, (i) **bagaimana data dikumpul serta kekerapannya**, (ii) **bagaimana data diselenggara dan disimpan**, (iii) **bagaimana data dianalisa dan digunakan untuk pengurusan tertinggi membuat keputusan** (iv) **bagaimana hebahan data kepada warga UiTMCJ dilaksanakan**. Secara amnya, setiap unit dan bahagian di UiTMCJ mempunyai pegawai bertanggungjawab yang dilantik dan bertindak sebagai **pegawai pengurus data** yang mengurus data, mengumpul data, menyimpan data, menganalisa data, melaporkan secara terus ke peringkat pengurusan tertinggi dan memastikan input data ini sampai ke pengetahuan warga UiTMCJ. Pegawai pengurus data perlu memastikan wujudnya sistem yang teratur bagi tujuan pengumpulan data, wujudnya tenaga profesional yang berkelayakan bagi menghasilkan program yang berimpak tinggi, fasiliti dan prasarana yang lengkap bagi mendukung dan memastikan setiap unit dan bahagian di UiTMCJ dapat merealisasikan program-program yang telah diatur dan dirancang. Data – data yang telah dikumpul ini dianalisis secara manual, menggunakan perisian Microsoft Excel dan juga sistem dalaman yang dibentangkan di dalam mesyuarat bertujuan untuk melihat penambahbaikan

**Pembelajaran (Learning)** - Bagi tujuan pembelajaran, UiTMCJ menekankan pemantauan berterusan melalui pengumpulan dan analisis data oleh **pegawai pengurus data**. Laporan pencapaian PTJ disediakan bagi mengenal pasti keperluan dan risiko setiap item ukuran. Data yang dikumpul dibandingkan dengan pencapaian terdahulu untuk **menilai prestasi semasa**. Analisis ini membantu Pihak Pengurusan Kanan **membuat keputusan** yang tepat serta memperkukuh Pelan Strategik UiTMCJ. Proses ini penting bagi memastikan **pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan organisasi dilaksanakan secara menyeluruh**. Semakan kemajuan Pelan Tindakan Strategik dan pemantauan oleh UEPMO turut dijalankan bagi menjamin kelancaran pelaksanaan inisiatif serta pencapaian matlamat yang ditetapkan, selaras dengan usaha penambahbaikan berterusan di UiTMCJ.

**Integration (Integrasi)** - Di peringkat UiTMCJ, Pelaporan aktiviti UiTMCJ tahun 2024 diperkemas melalui e-ADICITA dan e-Buletin yang interaktif dan mudah diakses, memaparkan pencapaian pelbagai unit termasuk program sukarelawan SVibes dan TAWA. Fakulti seperti FSKM turut menerbitkan e-CoMath untuk sorotan khusus aktiviti pelajar. **Di peringkat UiTM dan kebangsaan**, Inisiatif komuniti pintar memperkukuh hubungan dengan masyarakat melalui projek pemindahan ilmu yang dilaporkan oleh ICAN dan BPJIA. Laporan Petunjuk Prestasi (PI) dikongsi secara berkala oleh Penyelaras Strategik & Transformasi, menunjukkan pencapaian seperti 100% bagi PI028. Perkongsian ini meningkatkan kesedaran warga UiTMCJ terhadap PI dan mendorong usaha berterusan ke arah kecemerlangan akademik dan kebolehpasaran graduan. Keseluruhan integrasi ini membuktikan pendekatan menyeluruh UiTMCJ dalam memacu impak kepada komuniti dalaman dan luaran.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mengukur pencapaian **BT**, data dikumpul bertunjangkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Pelan Strategik UiTM 2025 yang memfokuskan **objektif strategik** “Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi” selaras dengan Amanat Menteri Pengajian Tinggi 2024 dalam **Fokus 3 & 5**. Selain itu di dalam Amanat Rektor tahun 2024 memetik dari Amanat Naib Canselor UiTM (**Tonggak Pengiktirafan Global 2024**) ada menyatakan: **Tonggak 5 dan 6** juga menjadi saah satu dasar bagi BT (**Bukti 4.2.1**). Dalam usaha merealisasikan **objektif strategik**, UiTMCJ meletakkan **3 Inisiatif Utama**:

1. **ProNet Alumni (ProNet)**
2. **Smart Community Engagement (SmartCE)**
3. **Southern Vibes Volunteers (SVibes)**

Pengukuran dan analisa dibuat secara berperingkat iaitu, **Peringkat 1: bagaimana data dikumpul serta kekerapannya, Peringkat 2: bagaimana data diselenggara dan disimpan, Peringkat 3: bagaimana data dianalisa dan digunakan untuk pengurusan tertinggi membuat keputusan, Peringkat 4: bagaimana hebahan data kepada warga UiTMCJ dilaksanakan.**

### Peringkat 1: Data dikumpul serta kekerapannya

Terdapat **(9)** item ukuran yang digunakan oleh UiTMCJ untuk mengukur pencapaian **BT** (**Bukti 4.2.2**) iaitu **Hasil Perancangan Strategik (3 item), Hasil Operasi (3 item) dan Hasil Tumpuan Pelanggan (3 item)**. Melalui item - item ukuran ini, UiTMCJ memastikan ianya mencapai dan melebihi sasaran yang ditetapkan sekaligus mencapai formula kecemerlangan **#Johor4Excellence = K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>**.

### Peringkat 2: Data diselenggara dan disimpan

Setiap unit dan bahagian di UiTMCJ mempunyai pegawai pengurus data yang dilantik bagi mengurus, mengumpul, menyimpan, dan melaporkan data kepada pengurusan tertinggi secara berkala. Pegawai pengurus data berperanan **mewujudkan pengkalan data item ukuran BT** untuk penyimpanan data secara sistematik. Sebagai contoh, Unit ICAN UiTMCJ merekodkan data program menerusi pelaporan atas talian iaitu Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART) (**Bukti 4.2.3a**), Networked Integrated Legal Affairs Management System (NILAMs) (**Bukti 4.2.3b**) dan Portal for Research and Innovation Management (PRIME) (**Bukti 4.2.3c**). Di UiTMCJ juga data – data ini direkodkan menerusi Sistem V Alumni UiTMCJ (**Bukti 4.2.3d**) untuk merekodkan data – data alumni. Selain itu, Sistem Data Penarafan Bintang Prime UiTMCJ 2024 (**Bukti 4.2.3e**) juga digunakan di peringkat universiti bagi mengenalpasti projek – projek komuniti yang dijalankan di UiTMCJ manakala di peringkat fakulti UiTMCJ turut ada yang menggunakan Sistem *CorePoint* (**Bukti 4.2.3f**) untuk merekod aktiviti komuniti di peringkat fakulti. Tidak ketinggalan juga Sistem Daftar Projek Kesukarelawanan Pelajar bagi tahun 2024 juga turut digunakan di UiTMCJ (**Bukti 4.2.3g**).

### Peringkat 3: Data dianalisa dan digunakan untuk pengurusan tertinggi membuat keputusan

Item – item ukuran ini kemudiannya dianalisa bertujuan untuk membantu Pihak Pengurusan Kanan UiTMCJ membuat **Decision Making** seterusnya membantu dalam membentuk dan memperkukuh **Pelan Strategik UiTMCJ**. Data – data yang dikumpul ini **dianalisa dan dibentangkan** di mesyuarat seperti MKB dan MJJN (**Bukti 4.2.4**). Melalui mesyuarat ini juga, Pengurusan Kanan UiTMCJ meneliti keperluan warga UiTMCJ bagi membantu mencapai sasaran keberhasilan pelajar mencapai formula kecemerlangan **#Johor4Excellence = K<sup>4</sup>E<sup>4</sup>**.

### Peringkat 4: Hebahan data kepada warga UiTMCJ

UiTMCJ mengutamakan penyampaian dan penyebaran maklumat secara berkesan dan telus serta menyampaikan strategi pelaksanaan yang sistematik, komprehensif dan menyeluruh

kepada warga UiTM CJ. Penguasaan dan perkongsian maklumat pada tuju UiTM CJ adalah secara terus antaranya melalui emel, laman sesawang, media sosial, Amanat Rektor, Saunah Sharing Session (3S) dan majalah e-Adicita. (Bukti 4.2.5).

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20251\\_UiTM C J\\_4.2.1 Pensejajaran Dasar.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20252\\_UiTM C J\\_4.2.2 Item Ukuran dan Kekekapan Data.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20253\\_UiTM C J\\_4.2.3 Sistem Pengumpulan Data UiTM C J.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20254\\_UiTM C J\\_4.2.4 Minit Mesyuarat JKEN dan MKB.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB02\\_20255\\_UiTM C J\\_4.2.5 Perkongsian Maklumat.pdf](#)

#### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Secara keseluruhannya, pengumpulan data yang berkesan melalui pelaksanaan instrumen pengukuran data merupakan elemen penting dalam memperluas dan menilai pencapaian **BT**. Maklumat berkaitan pencapaian **BT** diperoleh daripada sumber **Sistem Pengumpulan Data UiTM (Bukti 4.3.1)**, Sistem dalaman UiTMCJ dan juga pelaporan yang ditulis di dalam **Majalah e-Adicita UiTM Cawangan Johor**. Antara sistem data UiTM yang digunakan ialah **Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART)**, **Networked Integrated Legal Affairs Management System (NILAMs)** dan **Portal for Research and Innovation Management (PRIME)**. Majalah e-Adicita UiTMCJ merupakan bahan penerbitan bersiri atas inisiatif Rektor UiTMCJ. Majalah e-Adicita memaparkan aktiviti-aktiviti dan pencapaian setiap bahagian di UiTMCJ, bagi Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Di samping sistem - sistem sedia ada di UiTM, **UiTMCJ** telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Sistem dalaman yang memberi fokus khusus kepada aktiviti pelajar dan staf, bagi tujuan pemantauan yang lebih sistematik dan berkesan. **UiTMCJ** khususnya telah **membangunkan sistem data** yang dinamakan sebagai “**CorePoint**” (**Bukti 4.3.2**). **CorePoint** dibangunkan sebagai satu sistem penyimpanan maklumat dan data yang komprehensif secara digital (*digital repositories*), merangkumi komponen rekod dan maklumat penting seperti pelan perancangan aktiviti di UiTMCJ, laporan pencapaian aktiviti, borang - borang rasmi dan pautan kepada sistem sokongan. Seterusnya, **koordinador ICAN UiTMCJ** telah membangunkan sistem **Data Penarafan Bintang PRIME UiTMCJ** bagi merekod dan memantau penarafan bintang bagi setiap projek kesukarelawanan yang dilaksanakan di UiTMCJ (**Bukti 4.3.3**). **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTMCJ** turut mengambil inisiatif secara sistematik dengan membangunkan sistem yang dinamakan sebagai **Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar (SPAP)** bagi merekod daftar projek yang melibatkan pelajar, termasuklah kesukarelawanan (**Bukti 4.3.4**).

Secara keseluruhan, pelaksanaan sistem UiTM memberi penekanan kepada aspek pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan bagi **BT**. **Data daripada sumber - sumber ini dikumpul melalui pelbagai instrumen seperti sistem dalam talian, borang maklum balas atas talian, buku log dan laporan penyelia**. Sistem Data UiTM dikemaskini secara berkala dan maklumat dikumpul melalui pelbagai kaedah pelaporan seperti **borang maklum balas atas talian (Google Form), laporan bercetak dan digital, serta jadual pengumpulan data** yang disediakan oleh setiap unit.

Pengumpulan data ini adalah berdasarkan sumber maklumat yang telah ditetapkan oleh UiTMCJ, merangkumi tiga inisiatif strategik utama dalam **BT**. **Pegawai pengurus data dan koordinator bertanggungjawab untuk mengumpul data yang berkaitan bagi menilai dan menganalisis pencapaian masing-masing**, termasuk maklumat seperti bilangan program yang dianjurkan, tahap penglibatan peserta, impak terhadap komuniti, penglibatan alumni, serta maklum balas dan penilaian pasca program (**Bukti 4.3.5**).

Bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan proses ini, **pemakluman berkaitan pengumpulan data dilaksanakan lebih awal melalui surat rasmi, taklimat pelaksanaan, serta hebahan dalam emel**. Ini bagi memastikan semua pihak berkaitan memahami skop data yang diperlukan, kaedah pengumpulan yang digunakan, dan tempoh masa pelaporan yang ditetapkan. Proses ini turut memperkukuhkan integriti pelaporan dan menjadi asas penting dalam penilaian berasaskan data terhadap keberkesanan inisiatif yang dijalankan di UiTMCJ.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20251\\_UiTM\\_CJ\\_4.3.1\\_Sistem\\_Pengumpulan\\_Data\\_UiTM\\_dan\\_Majalah\\_e-Adicita\\_UiTM\\_CJ.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20252\\_UiTM\\_CJ\\_4.3.2\\_Corepoint\\_UiTM\\_CJ.pdf](#)

3. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20253\\_UiTMCJ\\_4.3.3 Sistem Data Penarafan Bintang PRIME UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20254\\_UiTMCJ\\_4.3.4 Sistem Permohonan Aktiviti Pelajar \(SPAP\).pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB03\\_20255\\_UiTMCJ\\_4.3.5 Data-data dan kaedah metodologi.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan. Data-data di setiap Bahagian dan Unit dikumpul oleh **pegawai pengurus data** yang dilantik (**Bukti 4.4.1.1**). Proses pemantauan item ukuran dimulakan oleh pegawai pengurus data dengan menyediakan laporan status pencapaian PTJ dibawah seliaan masing-masing. Data yang dikumpul oleh pegawai pengurus data direkodkan di jabatan masing-masing.

Analisa status pencapaian seterusnya **disemak dan dikenalpasti penambahbaikan** oleh ketua-ketua bahagian bagi mengenalpasti kelemahan untuk tujuan penambahbaikan. Pelaporan status pencapaian yang disediakan ini akan **dibentangkan** oleh ketua bahagian kepada Pengurusan Kanan UiTMCJ dalam pelbagai **mesyuarat seperti JKEN, MKSP, Mesyuarat Pengurusan Risiko dan MKB (Bukti 4.4.1.2)** bagi tujuan pemantauan pencapaian, dan seterusnya membincangkan tindakan penambahbaikan prestasi bagi keseluruhan kampus (**Bukti 4.4.1.3**).

Pemantauan pencapaian juga dilakukan oleh Unit Pengurusan Kualiti dan Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU)(**Bukti 4.4.1.4**). **Laporan pencapaian objektif kualiti, dapatan audit dalam dan status pencapaian sasaran USTU turut dibentangkan** bagi mengesahkan semakan terhadap pelaksanaan dan pencapaian UiTMCJ. Kemudian, penyelaras USTU akan **mengemaskini semua pencapaian prestasi bulanan** bagi setiap bahagian dan **hebahan pencapaian petunjuk prestasi dimaklumkan** kepada warga kampus UiTMCJ melalui **emel (Bukti 4.4.1.5)**.

Secara keseluruhan, dengan terlaksananya pemantauan pencapaian dan penambaaian prestasi yang sistematik di UiTMCJ dapat membantu pencapaian KPI UiTM dan KPI UiTMCJ dengan lebih efektif. Secara tidak langsung, pencapaian dalam pengurusan dan pembangunan pelajar dapat dipastikan dengan lebih berkesan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_UiTMCJ\\_4.4.1.1 lantikan pegawai pengurus data.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20252\\_UiTMCJ\\_4.4.1.2 Pelaporan BT melalui mesyuarat.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20253\\_UiTMCJ\\_4.4.1.3 Pemantauan dalaman peringkat BahagianUnit.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_UiTMCJ\\_4.4.1.4 Peringatan berkala melalui emel dan aplikasi Whatsapp.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_UiTMCJ\\_4.4.1.5 Emel pemakluman pencapaian PI kepada warga.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan boleh terjejas dengan terdapatnya risiko. Kegagalan untuk menangani risiko akan menjejaskan fokus terhadap pencapaian **BT**. Risiko dikenal pasti melalui **analisa dan pemerhatian dari pegawai pengurus data** di setiap PTJ dan direkodkan dalam **Daftar Risiko** untuk didaftarkan ke dalam sistem eRMS (**Bukti 4.4.2.1**)(**Bukti 4.4.2.2**). Selain itu, **Mesyuarat JKEN, Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko, MKB, dan MKSP** juga diadakan dalam menyelia proses mengenal pasti risiko, mendaftar risiko, mengambil tindakan mitigasi serta pemantauan berkala (**Bukti 4.4.2.3**)(**Bukti 4.4.2.4**). UiTMCJ mengenalpasti risiko-risiko bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan melalui **maklumbalas program** yang telah dijalankan oleh staf dan pelajar. Maklumbalas ini dikumpul melalui laporan setelah program tamat dijalankan. Proses kenal pasti risiko juga melibatkan analisis data melalui **soal selidik dan aduan** oleh warga UiTMCJ. Melalui senarai tugas yang telah ditetapkan, pegawai pengurus data memainkan peranan penting dalam merekod, menyelenggara dan menganalisa data yang dikumpulkan bagi memastikan pencapaian sasaran keberhasilan. Berikut merupakan risiko yang dikenalpasti:

##### **Risiko 1: Sistem SMART hanya boleh diakses pegawai tertentu sahaja.**

Punca: Tidak begitu mesra pengguna

Impak: Semua informasi perlu diakses secara manual (perlu download dari excel)

##### **Risiko 2: Sistem NILAMs tidak memaparkan maklumat lengkap**

Punca: Tiada maklumat yang lengkap walaupun projek telah dilaporkan.

Impak: Kadang-kadang susah mencari informasi (terutamanya projek projek yang telah didaftarkan oleh PTJ).

##### **Risiko 3: Sistem PRIME hanya boleh diakses pegawai tertentu sahaja.**

Punca: TR PJI hanya boleh melihat permohonan awal (CE) dan tiada akses lengkap bila pemohon mohon Star Rating.

Impak: Tidak begitu mesra pengguna, semua informasi boleh dibaca.

##### **Risiko 4: Data Penarafan Bintang PRIME UiTMCJ**

Punca: Data-data yang disimpan secara manual perlu dikemaskini secara lebih kerap dan berkala untuk mengelakkan keciciran data

Impak: Data boleh jadi tidak dikemaskini (*outdated*)

##### **Risiko 5: SPAP**

Punca: Data-data yang disimpan secara manual perlu dikemaskini secara lebih kerap dan berkala untuk mengelakkan keciciran data

Impak: Data boleh jadi tidak dikemaskini (*outdated*)

Melalui senarai tugas yang telah ditetapkan, pegawai pengurus data memainkan peranan penting dalam merekod, menyelenggara dan menganalisa data yang dikumpulkan bagi memastikan pencapaian sasaran (**Bukti 4.4.2.3**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_UiTMCJ\\_4.4.2.1 Pengurusan Risiko Projek.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20252\\_UiTMCJ\\_4.4.2.2 Daftar Risiko.pdf](#)

3. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20255\\_UiTM CJ\\_4.4.2.3 Mitigasi Insyuarat Jawatan Kuasa Peringkat Risiko UiTM CJ.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20254\\_UiTM CJ\\_4.4.2.4 Daftar Risiko UiSMS.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20255\\_UiTM CJ\\_4.4.2.5 Lantikan Pegawai Pengurus Data.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan penilaian risiko dan prestasi inisiatif di bawah **BT** yang dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Risiko, MKSP, MJJN dan MKB**, beberapa penambahbaikan strategik telah dilaksanakan secara berfasa (**Bukti 4.4.3.1**)

Melalui inisiatif **ProNet**, pihak UiTMCJ menambah baik sistem pangkalan data alumni melalui SKPG bagi memastikan penglibatan alumni dapat dipantau dan dianalisis secara sistematik. Aktiviti seperti webinar profesional dan sesi perkongsian kerjaya bersama alumni dianjurkan dan dianalisis keberkesanannya melalui **borang maklum balas dan kehadiran**. Hasil analisa ini mendorong kepada pengukuhan antara alumni dan pelajar sebagai langkah meningkatkan kebolehpasaran graduan. (**Bukti 4.4.3.2**). Inisiatif **SmartCE** berjaya **meningkatkan keupayaan ekonomi dan sosial komuniti** di samping memperkasakan pelajar melalui pembelajaran berasaskan projek sebenar dengan tumpuan kepada aktiviti berbentuk **pemeriksaan digital, literasi kewangan dan teknologi pertanian pintar**. (**Bukti 4.4.3.3**). **Dapatan soal selidik** peserta menunjukkan keperluan meningkatkan capaian program kepada komuniti luar bandar. Maka, strategi promosi dan penglibatan kolaborator tempatan ditambah baik bagi memastikan keterlibatan yang lebih menyeluruh. Bagi **SVibes** pula, pelajar digalakkan menyertai aktiviti sukarelawan sebagai latihan kepimpinan dan pembangunan insaniah. Penyertaan **dipantau melalui laporan aktiviti dan temubual bersama penyelar**. Inisiatif ini disokong oleh modul latihan kepimpinan serta **pengiktirafan merit kepada pelajar**. (**Bukti 4.4.3.4**).

Selain itu, Unit Alumni juga telah membuat penambahbaikan untuk mendapatkan data alumni dan kebolehpasaran graduan (GE) dengan menghadiri Majlis Konvokesyen sesi UiTM Johor, untuk **berkomunikasi dan mempromosikan secara langsung dengan alumni** UiTM Johor. Penambahbaikan ini dianggap berjaya apabila UiTM Johor telah memenangi tempat ketiga "**Anugerah GE 2024 menerusi Graduan Ijazah Pertama Bergaji Premium Tertinggi dan Kadar Kebolehpasaran Graduan Tertinggi**" berdasarkan maklumat dalam sistem SKPG. (**Bukti 4.4.3.5**).

Bagi memastikan semua tindakan penambahbaikan memberi impak yang berterusan, **semakan berkala Pelan Tindakan Strategik** dilakukan **setiap suku tahun dalam Mesyuarat MKSP dan MKB** bagi menyelaraskan hala tuju, sumber dan KPI projek. Analisa maklum balas melalui sistem e-Maklum digunakan untuk mengenal pasti aspek yang memerlukan pembaikan segera. **Laporan pemantauan disediakan oleh UEPMO** dan dibentangkan untuk semakan serta kelulusan cadangan penambahbaikan oleh pihak pengurusan atasan. Pelaksanaan inisiatif mencerminkan komitmen berterusan UiTMCJ terhadap penambahbaikan berasaskan data dan maklum balas pihak berkepentingan. Keberkesanan strategi ini dinilai melalui kaedah analisa pelbagai sumber, pemantauan berkala serta penglibatan aktif semua pihak terlibat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20251\\_UiTMCJ\\_4.4.3.1 Minit Mesyuarat JKEN 137\\_2024.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_UiTMCJ\\_4.4.3.2 Laporan Alumni Engagement 2024.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20253\\_UiTMCJ\\_4.4.3.3 Minit Mesyuarat Alumni Bil 1 2024 \(Hands-on Program\).pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20254\\_UiTMCJ\\_4.4.3.4 Projek Kesukarelawan Pelajar 2024.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_UiTMCJ\\_4.4.3.5 Interface SKPG.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan yang telah dilakukan, maklumat boleh dipaparkan secara lebih berkesan dan interaktif dan capaian maklumat turut dapat dicapai, dianalisis dan dibincangkan bersama-sama oleh pihak yang terlibat selari dengan objektif melestarikan sinergi perkongsian pintar berimpak tinggi. Secara amnya, pelaporan pencapaian aktiviti sepanjang tahun 2024 dapat diakses melalui laman web rasmi UiTMCJ menerusi penerbitan majalah **e-ADICITA (Bukti 4.5.1)**. Maklumat melalui pelaporan yang ringkas tetapi jelas serta padat ini diterbitkan **tiga kali setahun** secara berperingkat oleh **setiap bahagian/unit atau pejabat** untuk paparan umum. Sebagai contoh, pelancaran **SVibes** peringkat UiTMCJ dengan penyertaan hampir 2,000 pelajar sebagai sukarelawan turut dipaparkan di dalam edisi **e-ADICITA edisi 4/2024 (Bukti 4.5.2)**. Manakala secara khususnya, **pelaporan aktiviti fakulti** dapat dilihat melalui e-Buletin seperti yang telah dilaksanakan oleh FSKM dalam menerbitkan **e-CoMath** yang memaparkan artikel yang berbentuk aktiviti mengikut unit, *CGCT/Global Learning*, aktiviti pelajar dan aktiviti umum. Penerbitan **sekali dalam setahun** ini dapat memberi sorotan yang lebih khusus kepada para pelajar sebagai contoh, program *Talk with Alumni* (TAWA) yang memberi peluang kepada alumni UiTMCJ untuk berkongsi maklumat serta pandangan antara alumni dan pelajar dalam beberapa topik terpilih (**Bukti 4.5.3**).

Menerusi inisiatif komuniti pintar, pelajar dan staf dapat menjalankan projek pemindahan ilmu kepada komuniti bagi memupuk hubungan jangka panjang antara UiTMCJ dan masyarakat. Bagi memperkenalkan **projek berteraskan komuniti** yang berimpak, hebahan laporan mengenai senarai projek komuniti dibuat secara umum melalui **emel** yang dilaksanakan secara **berkala** oleh **pihak ICAN, BPJIA UiTMCJ. (Bukti 4.5.4)**.

Perkongsian mengenai **laporan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** amat penting bagi memberi gambaran yang tepat mengenai pencapaian sesebuah universiti dalam memastikan kursus yang ditawarkan kekal relevan dan seterusnya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan. Melalui perkongsian yang dilaksanakan secara **berkala** oleh **Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti UiTMCJ**, laporan PI sentiasa dikongsi bersama sebagai rujukan. Sebagai contoh, UiTMCJ telah berjaya mencapai 100% untuk PI028 yang memberi sasaran kepada bilangan program kesukarelawanan peringkat antarabangsa dengan kerjasama industri. Antara kelebihan daripada perkongsian ini, warga UiTMCJ dapat peka dan cakna mengenai PI yang terlibat dan turut sama membantu dalam mencapai PI lain yang masih belum dicapai secara total. Makluman laporan pencapaian PI yang dikongsikan melalui **emel** turut menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pasukan yang telah berjaya mencapai sasaran 100% bagi PI yang diamanahkan (**Bukti 4.5.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20251\\_UiTMCJ\\_4.5.1 Penerbitan e-Adicita.pdf](#)
2. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20252\\_UiTMCJ\\_4.5.2 Penerbitan e-Adicita\\_SVibes.pdf](#)
3. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20253\\_UiTMCJ\\_4.5.3 Penerbitan e-CoMath.pdf](#)
4. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_4.5.4 Senarai Projek Komuniti 2024 UiTMCJ.pdf](#)
5. [K0059\\_A01\\_AB05\\_20255\\_UiTMCJ\\_4.5.5 Pencapaian PI.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

“**Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi**” merupakan objektif strategik **BT** UiTMCJ. Kompetensi dan pemeraksanaan sumber manusia merupakan elemen utama dalam pembangunan **BT**. Justeru, pengenalanpastian kompetensi dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran UiTMCJ diberi keutamaan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif ini lebih berkesan dan berimpak.

Untuk menjadi ‘Globally Renowned University’ pada 2025, **Pendekatan (Approach)** - Perancangan untuk sumber manusia ditetapkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCJ, bagi mencapai 75 Petunjuk Prestasi (PI) dan 16 inisiatif strategik ‘Rector’s Special Projects’ (RSP). Proses pengambilan **staf dinilai berdasarkan kualiti, kepakaran, dan kelayakan**. Manakala, keutamaan staf akademik pula diberikan kepada calon yang menjadi **ahli badan profesional, mempunyai kelayakan profesional, dan memiliki pengalaman industri**. Staf yang baru dilantik perlu mengikuti **Kursus Pengukuhan Staf Baharu**, serta dibekalkan dengan **Kit Staf** bagi membolehkan mereka mendapat informasi berkaitan pengurusan sumber manusia. Keperluan latihan sebanyak 42 jam setahun dan ‘**Training Need Analysis**’ juga ditekankan. Sebagai menghargai penglibatan staf dalam mengharumkan nama UiTMCJ, mereka disambut dalam Majlis Hari Inovasi dan Kualiti UiTMCJ. Kejayaan staf turut dikongsi kepada seluruh warga UiTMCJ.

**Perluasan (Deployment)** - Pelaksanaan bermula daripada pemeraksanaan elemen utama dalam pembangunan **BT**. Penubuhan *Special Interest Group* (SIG) merupakan inisiatif strategik UiTMCJ dalam memperkukuh jaringan serta memperkasakan keterlibatan universiti bersama alumni dan komuniti secara berterusan dan berimpak tinggi. Antara lain staf yang berkelayakan diberi peranan sebagai **panel, fasilitator, dan penceramah**, dan dipilih berdasarkan kelayakan akademik, pensijilan profesional, serta pengalaman industri. Kemahiran staf dipertingkatkan dengan menjalani **latihan kompetensi umum, khusus dan ICT**. Penganjuran program pembelajaran, keusahawanan, dan **kolaborasi dalam bentuk MOU/MOA**, membuktikan pengiktirafan kepakaran staf UiTMCJ di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

**Pembelajaran (Learning)** - Bagi tujuan pembelajaran, UiTMCJ memfokuskan medium mesyuarat bagi pemantauan maklumbalas yang dihadapi bagi memastikan pencapaian inisiatif strategik. **Platform e-Aduan Rektor** membolehkan aduan diselesaikan dengan cepat dan berkesan. **Pasukan Audit Dalam** menilai kepatuhan setiap bahagian mengikut standard yang ditetapkan. Risiko memiliki impak negatif terhadap pencapaian objektif. Ini termasuk **risiko kekurangan sumber manusia** untuk menjalankan program inisiatif BT dan kurang keterlibatan dengan program kesukarelawan. Langkah intervensi risiko dilakukan oleh **Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCJ** untuk mengurangkan impak risiko. Agenda **pemeraksanaan mahasiswa dan staf, pendekatan kerjasama serta latihan, membantu mengurangkan beban kerja**. Staf turut diberi gantian cuti rehat setelah melakukan aktiviti-aktiviti universiti. Sebagai motivasi, penglibatan dalam aktiviti dinilai dalam **prestasi MyATP dan diberikan anugerah dan kenaikan pangkat**. Sebagai sebuah kampus berdayahuni, persekitaran selesa dan kelestarian landskap memastikan suasana kerja yang kondusif. Hubungan mesra yang terjalin melalui program-program kemasyarakatan mengeratkan silaturahim warga. Taburan Indeks Kegembiraan UiTMCJ berada pada tahap memuaskan.

**Integration (Integrasi)** - Di peringkat UiTM, pengurusan sumber manusia telah menggerakkan transformasi ke arah perkhidmatan cemerlang. **Bahagian Pentadbiran menguruskan latihan staf dan merancang Analisis Keperluan Latihan (TNA)** bagi memastikan latihan difokuskan mengikut keperluan sebenar. ‘**Rector’s Special Project**’ membudayakan gerak kerja berimpak. Inovasi **Human Governance Index** memantapkan lagi pengurusan sumber manusia berasaskan **model i-DART**. Di peringkat kebangsaan aktiviti kesukarelawanan direalisasi dengan **penubuhan Southern Volunteers**. UiTMCJ merupakan

universiti pertama yang melancarkan SV. Pengurusan Kanan UiTMCJ **membudayakan penghargaan kepada pencapaian staf**. Pengiktirafan ini dizahirkan bilamana UiTMCJ berjaya merangkul 11 anugerah pada Majlis Apresiasi ICAN, dan mendapat Johan Keseluruhan.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM CJ komited dalam **melaksanakan pengurusan sumber manusia yang holistik dan berfokus kepada pembangunan kompetensi** sejajar dengan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)** dan **UiTM 2025 Strategic Plan – Globally Renowned University (Pillar 5 dan Pillar 6) (Bukti 5.2.1)**. Melalui dasar ini, UiTM CJ telah menetapkan tiga inisiatif utama BT iaitu:

1. **ProNet Alumni (ProNet)**
2. **Smart Community Engagement (SmartCE)**
3. **Southern Vibes Volunteers (SVibes)**

Dalam merealisasikan kecemerlangan BT, UiTM CJ melaksanakan penetapan projek utama melalui **Bengkel Perancangan Strategik 2024/2025** dengan pendekatan yang dirangka secara sistematik, mengambil kira elemen penambahbaikan berterusan serta pemacu inovasi. Projek-projek yang digariskan berpaksikan sasaran **PI** yang ditetapkan. Hasil perancangan yang tersusun ini membuahkan pencapaian cemerlang dengan rekod **100% kejayaan pencapaian PI (Bukti 5.2.2)**.

Berteraskan kepakaran sumber manusia, UiTM CJ proaktif mengorak langkah strategik dengan menubuhkan **Special Interest Group (SIG)** yang berfokus kepada pemerikasaan khidmat kepada **alumni dan komuniti**. Inisiatif ini menjadi medium dalam memperkukuh jaringan strategik serta memperluas keterlibatan universiti bersama warga UiTM CJ. Pengoptimaan tenaga sumber manusia melalui penubuhan **Southern Volunteers@Johor** telah memperkukuh lagi keupayaan UiTM CJ dalam menerajui pelaksanaan aktiviti **kesukarelawanan** yang bersifat inklusif, tersusun dan berterusan. **(Bukti 5.2.3)**.

UiTM CJ mengutamakan perancangan latihan yang sistematik dan berfokus dalam memperkasa modal insan. Inovasi penghasilan **Kit Staf UiTM CJ** pula menjadi rujukan utama merangkumi syarat perkhidmatan, tadbir urus sumber manusia serta pelan pembangunan kerjaya, mencerminkan komitmen institusi terhadap kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf. Bahagian Pentadbiran UiTM CJ, melalui sistem **eLatihan**, berjaya merancang dan menyelaras latihan sehingga mencapai **100% penglibatan staf dengan pencapaian melebihi 42 jam setahun pada tahun 2024**. Dalam bidang tumpuan, BPJI menganjurkan **Bengkel Pemantapan Projek Komuniti dan Bengkel SIG & Star Rating** yang melibatkan perkongsian berkaitan sistem PRIME, pelaporan berimpak dan strategi pencapaian PI UiTM. Inisiatif ini berjaya meningkatkan kefahaman **seramai 82 staf UiTM CJ** terhadap pengurusan projek komuniti secara sistematik, memperkukuh hubungan universiti-komuniti serta memperkasa reputasi UiTM CJ di peringkat negeri dan nasional. **(Bukti 5.2.4)**

UiTM CJ menzahirkan komitmen tinggi dalam mengangkat martabat warga kerjanya dengan menjadikan **budaya penghargaan sebagai teras pemangkin motivasi** dan kecemerlangan, khususnya dalam melaksanakan inisiatif berimpak tinggi dalam BT. Kesungguhan ini diterjemahkan melalui penganjuran **Majlis Hari Inovasi dan Kualiti 2024 UiTM CJ** pada 11 Januari 2025 bertempat di Galaxy Glass House, Johor Bahru, yang meraikan dedikasi staf menerusi penganugerahan pelbagai pengiktirafan berprestij seperti berikut:

1. **Anugerah Kecemerlangan Jaringan Industri 2024**
2. **Anugerah Kecemerlangan Khidmat Komuniti 2024 (4 Bintang Star Rating)**
3. **Anugerah Kecemerlangan Keusahawanan 2024 (Projek Komuniti)**
4. **Anugerah Khas Juri 2024 (Unit Alumni)**

UiTM CJ terus membuktikan keunggulannya di peringkat kebangsaan dengan meraih kejayaan gemilang dalam **Anugerah MeTIC** selama dua tahun berturut-turut. UiTM CJ berjaya menggondol **9 anugerah berprestij** termasuk **Anugerah Khas Timbalan Naib Canselor ICAN (MeTIC 13/2024)**. Kejayaan ini diteruskan pada **MeTIC 14/2025** dengan pencapaian lebih gemilang apabila mendominasi **10 anugerah utama** serta sekali lagi menerima **Anugerah**

**Khas Timbalan Naib Canselor ICAN**, hasil pelaksanaan program berimpak tinggi yang konsisten sepanjang tahun 2024 (**Rujuk 5.2.5**).

Kejayaan ini turut dikongsikan melalui pelbagai medium komunikasi seperti **emel rasmi, mesyuarat, Amanat Rektor, Program Saunah's Sharing Session, platform media sosial UiTM Cawangan Johor** serta media cetak dan elektronik seperti majalah **e-Adicita, i-Prestige, Paradigma** dan **e-Dinamik**.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20251\\_UiTM CJ\\_5.2.1\\_Pemetaan Dasar Kepada BT.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20252\\_UiTM CJ\\_5.2.2 Perancangan Strategik UiTM CJ 2024.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20253\\_UiTM CJ\\_5.2.3 Penuhuan SIG.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20254\\_UiTM CJ\\_5.2.4 Kit staf dan Bengkel komuniti.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB02\\_20255\\_UiTM CJ\\_5.2.5 Pengiktirafan dan Sebar Luas.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCJ memperkasa inisiatif BT melalui penggembleran menyeluruh tenaga kerja yang terdiri daripada **498 staf akademik** dan **363 staf pentadbiran**. Struktur pengurusan yang dirangka secara strategik dipimpin oleh **Rektor bersama Timbalan Rektor BPJI, Koordinator ICAN, Koordinator Alumni dan Penolong Pendaftar Kanan Kokurikulum** dengan bidang tugas jelas dan berfokus (**Bukti 5.3.1**). Keutuhan sumber manusia ini membuktikan iltizam UiTMCJ dalam melaksanakan strategi pengurusan lestari, memacu sinergi pintar berimpak tinggi serta bertindak proaktif memenuhi aspirasi komuniti, alumni dan industri di peringkat nasional.

UiTMCJ mengoptimumkan kepakaran sumber manusia melalui **pelantikan pensyarah** berkelayakan sebagai **Koordinator dan Penyelaras Unit Alumni serta ICAN** bagi menerajui projek berfokus kepada pencapaian PI (**Bukti 5.3.2**). Perluasan peranan ini dizahirkan melalui **penubuhan SIG** yang memacu projek komuniti dan kesukarelawanan. Antara inisiatif lain melalui **Alumni Smart Engagement**, yang memperkasa mahasiswa agar berdaya saing dalam kerjaya dan keusahawanan menerusi **perkongsian kepakaran alumni**. UiTMCJ turut menampilkan keunggulan dengan **pelantikan staf sebagai panel penilai serta fasilitator secara dalaman** dan juga **pelantikan daripada pihak luar UiTM** bagi memastikan projek dilaksanakan secara sistematik dan inovatif (**Bukti 5.3.3**).

UiTMCJ komited mencapai sasaran **Prestasi Indeks (PI)** melalui sokongan menyeluruh meliputi **keuangan, infrastruktur dan penglibatan staf**. Peruntukan khas disalurkan bagi aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawanan, termasuk dana untuk program **Alumni Smart Engagement: Usahawan Muda Alumni** melalui **Tabung Amanah Alumni** serta **projek SIG berimpak tinggi**. Pengurusan Kanan turut **menyediakan fasiliti** seperti dewan, bilik seminar, makmal dan masjid sebagai pusat aktiviti. Lebih signifikan, **penglibatan aktif staf sebagai penasihat, fasilitator dan penyelaras** memastikan keberkesanan inisiatif. Malah, UiTMCJ mewartakan salah satu asetnya sebagai **Rumah Alumni**, pusat perkongsian kepakaran strategik antara alumni, staf, pelajar dan komuniti. (**Bukti 5.3.4**).

UiTMCJ terus memperkukuh jaringan strategik melalui pemeteraian beberapa **Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)** yang mengoptimumkan kepakaran serta penglibatan aktif staf dalam pelbagai projek akademik, industri, kemasyarakatan dan kesukarelawanan. Kolaborasi ini bukan sahaja melibatkan syarikat tempatan malah turut menembusi rangkaian antarabangsa. Pada 18 Mac 2024, UiTMCJ menjalin kerjasama berimpak global melalui MoA bersama **Universitas Bhayangkara Jakarta Raya, Indonesia**. Seterusnya, empat lagi MoU/MoA dengan industri tempatan dan luar negara dimeterai, termasuk **Rossie Beauty Therapy (22 Feb 2024), Persatuan Pengusaha Nanas Negeri Johor (4 Mac 2024), Yayasan Amanah (30 Sep 2024) serta PT Ikanesia Nusantara Akuamarin (21 Ogos 2024)**. Kesemua pemeteraian ini menzahirkan iltizam UiTMCJ dalam mengarusperdanakan kepakaran staf sebagai pemacu kecemerlangan jaringan industri, komuniti dan global. (**Bukti 5.3.5**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20251\\_UiTMCJ\\_5.3.1 Struktur Pengurusan UiTMCJ.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_5.3.2 Surat Lantikan Koordinator dan Penyelaras.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20253\\_UiTMCJ\\_5.3.3 Surat Lantikan Penasihat Fasilitator dan Panel Penilai.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20254\\_UiTMCJ\\_5.3.4 Sokongan dan Bantuan Pengurusan Kanan UiTMCJ.pdf](#)

5. [K0059\\_S01\\_SB03\\_20255\\_UiTMCJ\\_5.3.5 Pemerteraian MoA MoU.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCJ sentiasa prihatin akan tahap kepuasan hati dan aduan daripada warganya terutama melibatkan **kebajikan staf dan pelajar**. Tindakan sewajarnya diambil dan diberi perhatian sepenuhnya untuk memastikan tahap kepuasan hati berada di tahap yang cemerlang. **Medium mesyuarat menjadi bentuk komunikasi formal** yang dilakukan di semua peringkat. Medium mesyuarat menjadi platform untuk membuat sesuatu keputusan, mengenalpasti kemajuan projek, memantau, serta mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi. Pencapaian projek dipantau secara berkala agar objektif dapat dicapai mengikut perancangan masa dan kewangan yang ditetapkan. USTU diberi amanah menyasar halatuju strategik dan **memantau pencapaian PI dan dilaporkan dalam mesyuarat MKB**. Manakala bagi **pencapaian 16 RSP pula dibincangkan dalam mesyuarat RSP**. (Bukti 5.4.1.1)

Ketidakuasan hati dan maklumbalas warga kampus didengari agar segala masalah dapat ditangani dengan berkesan. Di samping platform mesyuarat, **borang maklumbalas pelanggan secara bertulis dan medium elektronik seperti e-aduan dan e-maklum** turut digunakan. **Platform e-Aduan Rektor** membolehkan aduan dikemukakan, dijejaki dan diselesaikan dengan cepat bagi memastikan pengurusan aduan yang cekap (Bukti 5.4.1.2). Maklumbalas untuk program anjuran UiTMCJ dikumpul selepas tamat program. Analisa aduan dilaporkan di dalam mesyuarat **MKSP** bagi penambahbaikan.

**Pemantauan** turut dilaksanakan oleh **Unit Pengurusan Kualiti** yang menguruskan proses kualiti melalui Audit Kualiti dan Amalan Pengurusan Terbaik, berpandukan kepada dasar dan objektif kualiti yang ditetapkan. **Pasukan Audit Dalam** menilai kepatuhan setiap bahagian dan fakulti mengikut standard yang ditetapkan. Penemuan hasil dari pemantauan berkala oleh juruaudit, serta rekomendasi audit dilaporkan dalam mesyuarat **MKSP** serta mesyuarat-mesyuarat berkaitan (Bukti 5.4.1.3).

Hasil tindakan serta penambahbaikan terhadap maklumbalas sumber manusia diselesaikan pada kadar segera. Sokongan dari pihak pengurusan ini melahirkan kepuasan warga kampus serta keselesaan bekerja. Hasilnya, berdasarkan **Taburan Indeks Kegembiraan tahun 2024** bagi 804 staf UiTMCJ menunjukkan rasa puas hati bekerja di kampus UiTMCJ yang tinggi dengan pencapaian **peratus indeks kegembiraan sebanyak 76%** melebihi tahun 2023 iaitu pada hanya 72% (Bukti 5.4.1.4). **Pembiayaan kewangan** serta bantuan lain yang diluluskan menimbulkan rasa kepuasan kepada staf yang dapat menjayakan projek dengan komitmen daripada pihak pengurusan (Bukti 5.4.1.5). Ini bertepatan dengan nilai **Empati (Empathy)** yang mana sikap yang prihatin terhadap persekitaran dan Masyarakat dikalangan warga UiTMCJ.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_UiTMCJ\\_5.4.1.1 Minit Mesyuarat MKB RSP.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20252\\_UiTMCJ\\_5.4.1.2 Medium Maklumbalas.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20253\\_UiTMCJ\\_5.4.1.3 Analisa dan Penambahbaikan.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20254\\_UiTMCJ\\_5.4.1.4 Indeks Kegembiraan Johor.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20255\\_UiTMCJ\\_5.4.1.5 Sokongan dan Bantuan Pengurusan Kanan UiTMCJ.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kesan risiko perlu diurus dengan baik agar matlamat program dapat dicapai. Terdapat beberapa **risiko melibatkan sumber manusia** yang dikenalpasti seperti berikut:

1. **Kesukaran penglibatan staf dalam aktiviti** bagi program BT kerana kebanyakan pensyarah mempunyai amanah tugas syarahan yang banyak.
2. **Kekurangan sumber kepakaran dan dana untuk menjalankan program** alumni, komuniti dan kesukarelawanan.
3. **Kekurangan pemandu** yang menyukarkan mobiliti aktiviti bersama komuniti.

Risiko ini telah **didaftarkan** di dalam **mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCJ Bil 7/2024 (Bukti 5.4.2.1)**.

Untuk mengatasi risiko ini, **Strategi intervensi risiko melibatkan pengoperasian pengurusan risiko oleh Jawatankuasa Pemilik Risiko UiTMCJ** telah dilakukan. Ini termasuk kenal pasti risiko, daftar risiko di e-RMS, tindakan mitigasi risiko dan pemantauan. Langkah **intervensi risiko** melibatkan:

### Risiko 1:

- Bagi meningkatkan penglibatan pensyarah, UiTMCJ telah **menyambung 11 projek RSP 1.0 dan 5 projek baru RSP 2.0 (Bukti 5.4.2.2)**
- Bagi mengatasi risiko staf kurang terlibat dgn aktiviti-aktiviti selain kerja hakiki, Bahagian Pentadbiran **mengeluarkan surat peringatan** untuk staf bagi melengkapkan latihan sebanyak 42 jam. **(Bukti 5.4.2.2)**
- Menjalankan program merupakan tanggungjawab secara bersama-sama. **Pembahagian tugas diperincikan dengan jelas** agar setiap AJK mengetahui bidang tugas yang perlu mereka siapkan **(Bukti 5.4.2.2)**.

### Risiko 2:

- Pihak pengurusan UiTMCJ telah **membenarkan penggunaan dana yang diterima bagi pembayaran token kepada fasilitator** melibatkan program alumni, komuniti dan kesukarelawanan yang berimpak tinggi. **(Bukti 5.4.2.3)**
- **Staf perlu membuat persiapan dengan menjalani latihan** melalui **webinar/seminar** agar lebih bermotivasi dan meningkatkan pengembangan kerjaya **(Bukti 5.4.2.3)**.
- **Penglibatan dalam servis komuniti juga dimasukkan dalam pengiraan prestasi MyATP dan peluang kenaikan pangkat**. Surat lantikan, penghargaan dan anugerah dikeluarkan kepada staf yang menunjukkan komitmen dalam servis komuniti. Kolaborasi bersama komuniti dapat menaikkan profil kepakaran pensyarah **(Bukti 5.4.2.3)**.

### Risiko 3:

- Bagi menyelesaikan masalah kekurangan pemandu, pihak pengurusan sudah mengajukan **permohonan ke Bahagian Pembangunan Organisasi, UiTM Shah Alam** untuk mendapatkan perlanjutan mendapatkan pemandu yang baharu bagi memudahkan program dilaksanakan dengan mobiliti yang baik. **(Bukti 5.4.2.4)**

Pengurusan risiko yang efektif dapat memastikan staf melaksanakan amanah dengan cemerlang terutamanya aktiviti melibatkan BT. Melalui program-program di bawah BT, staf dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang meluas kepada warga UiTMCJ dan komuniti **(Bukti 5.4.2.5)**. Ini menepati nilai **Pengayaan (Enrichment)** di staf diberi peluang memberi bakti kepada komuniti dan meningkatkan semangat kesukarelawanan.

## SENARAI BUKTI :

1. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_UiTM CJ\\_5.4.2.1 Daftar Risiko UiTM CJ.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20252\\_UiTM CJ\\_5.4.2.2 Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan Risiko 1.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20253\\_UiTM CJ\\_5.4.2.3 Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan Risiko 2.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20254\\_UiTM CJ\\_5.4.2.4 Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan Risiko 3.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20255\\_UiTM CJ\\_5.4.2.5 Program-program penglibatan staf.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

penambahbaikan. Melalui sokongan Pengurusan Kanan UiTMCJ, tindakan yang efisien dan efektif telah diambil kira dari pelbagai sudut. Maklumat penambahbaikan ini turut dikongsi kepada warga UiTMCJ melalui pelbagai medium dan sokongan.

Bagi mengatasi risiko staf tidak cukup jam latihan, **senarai nama staf dikenalpasti melalui data daripada Unit Pentadbiran UiTMCJ**. Seterusnya, **surat peringatan untuk staf dikeluarkan** untuk melengkapkan latihan sebanyak 42 jam (**Bukti 5.4.3.1**). Dan hasilnya, pada tahun 2024, UiTMCJ telah berjaya mencapai peratus pencapaian 100% cukup jam latihan untuk semua staf. (**Bukti 5.4.3.2**)

Bagi mengatasi staf kurang terlibat dgn aktiviti-aktiviti BT serta staf tidak berkemahiran serta, pelbagai inisiatif oleh UiTMCJ telah dibuat dengan **penganjuran webinar, peruntukan dana serta sokongan infrastruktur** bagi menggalakan penglibatan oleh staf dalam BT. (**Bukti 5.4.3.3**).

Sebagai sebuah kampus berdayahuni ('liveable campus'), **persekitaran selesa disediakan untuk warga kampus seperti kelestarian landskap** dengan penanaman pokok-pokok di Incredible Garden dan di laman Durian Segar Amat, dan penyediaan gazebo untuk melepaskan penat selepas bekerja. Dalam memastikan suasana kerja yang kondusif, kemesraan yang terjalin dari program-program kemasyarakatan mengeratkan silaturahim dan menyemarakkan hubungan harmoni sesama warga kampus. Ini termasuk **penganjuran majlis sambutan Hari Raya, korban Aidil Adha, Infaq Ramadan, program sukan, program keagamaan, serta misi bantuan banjir** (**Bukti 5.4.3.4**).

Melalui inovasi dan penambahbaikan projek BT, **staf UiTMCJ berjaya mengoptimalkan kepakaran dalam membantu meningkatkan impak projek melalui inovasi dan kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa** (**Bukti 5.4.3.5**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_UiTMCJ\\_5.4.3.1\\_Jam\\_latihan\\_staf.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_UiTMCJ\\_5.4.3.2\\_Pencapaian\\_42\\_Jam\\_Latihan.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20253\\_UiTMCJ\\_5.4.3.3\\_Penganjuran\\_dan\\_sokongan\\_Pengurusan\\_Kanan\\_UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20254\\_UiTMCJ\\_5.4.3.4\\_Program\\_Kemasyarakatan.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20255\\_UiTMCJ\\_5.4.3.5\\_Inovasi\\_dan\\_MoAMou.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui pengoptimuman sumber manusia dalam BT, UiTMCJ telah berjaya mencipta amalan dan pembudayaan yang mapan dalam kalangan warga sama ada di peringkat PTJ, Kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa.

Bagi inisiatif **SmartCE**, strategi **memperkasakan aktiviti antara staf dan komuniti** OKU dari Pusat Kebajikan Dalam Komuniti, serta melahirkan manusia budiman, membawa perubahan positif dengan **inovasi projek Spa Cosmos**. Kecemerlangan operasi Pusat Inkubator Spa mampu menjimatkan kos berbanding salon komersil. Konsep inovasi 'mobile spa' menjimatkan masa pelanggan yang tidak perlu meninggalkan rumah untuk mendapatkan rawatan. Sistem tempahan secara atas talian juga dipraktikkan bagi menjadikan proses lebih efektif (**Bukti 5.5.1**). **Projek Spa Cosmos** turut mengharumkan nama UiTMCJ dengan memenangi banyak anugerah keusahawanan dan pembudayaan ini mendapat pengiktirafan apabila staf UiTMCJ telah dijemput untuk menjadi **penceramah dalam media arus perdana**. (**Bukti 5.5.2**)

UiTMCJ turut mengamalkan pendekatan pengurusan sumber manusia yang dinamik, melibatkan integrasi staf akademik, pentadbiran, dan pelajar. Bahagian Pentadbiran bertanggungjawab dalam pengurusan latihan staf, termasuk mengenal pasti dan merancang keperluan latihan. UiTMCJ telah melaksanakan **Analisis Keperluan Latihan (TNA)** untuk memastikan latihan yang diberikan relevan dan meningkatkan kompetensi staf dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan. Hasilnya, pada tahun 2022, 88% staf akademik **mencapai lebih daripada 42 jam latihan**, dan pada tahun 2023, peratusan ini meningkat kepada 94%. Pencapaian jam latihan bagi tahun 2024, 100% (**Bukti 5.5.3**)

**RSP** berperanan sebagai pemacu kepada tindakan penambahbaikan dengan membina polisi, mewujudkan persekitaran inklusif, dan membudayakan gerak kerja berimpak serta berinovasi. Antara inovasi yang diperkenalkan melalui RSP ialah aplikasi **Human Governance Index, yang memantapkan pengurusan sumber manusia berasaskan model i-DART UiTM serta menyemai konsep ADAB**. Dalam usaha menerapkan pembudayaan ini, staf UiTMCJ telah berjaya menerbitkan **satu penerbitan journal berkaitan Human Governance Index pada tahun 2024 melalui International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)** (**Bukti 5.5.4**)

Penglibatan **staf di peringkat antarabangsa** turut dibuat melalui inisiatif **SVibes** melalui program-program kesukarelawanan. Program kesukarelawanan yang dianjurkan telah dibudayakan sekian lama oleh UiTMCJ. Antara program yang dijalankan adalah Program Kesukarelawanan Dan Sulam Antarabangsa UiTMCJ Dengan Kolaborasi Universitas Batam (UNIBA) dan Program Kembara Amal Nusantara 'Charity Journey For All' (Sekolah Vittayakarnislam dan Masjid Kampung Nahunon, Mueang Krabi, Thailand) (**Bukti 5.5.5**)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20251\\_UiTMCJ\\_5.5.1 Inovasi Pusat Inkubator Spa.pdf](#)
2. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20252\\_UiTMCJ\\_5.5.2 Pembudayaan Komuniti.pdf](#)
3. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20253\\_UiTMCJ\\_5.5.3 Pencapaian 42 Jam Latihan.pdf](#)
4. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_5.5.4 Human Governance Index.pdf](#)
5. [K0059\\_S01\\_SB05\\_20255\\_UiTMCJ\\_5.5.5 Penglibatan Staf melalui Program Sukarelawanan Antarabangsa.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCJ telah merangka proses operasi melibatkan **Alumni, Komuniti dan Sukarelawan** bagi memastikan **objektif strategik melestarikan sinergi perkongsian pintar berimpak tinggi** dapat dicapai melalui tiga inisiatif iaitu,

1. **ProNet Alumni (ProNet)**: memfokuskan kepada rangkaian professional yang menghubungkan alumni berpengalaman dengan pelajar melalui sesi mentor-mentee, ceramah industri dan peluang kerjaya, seterusnya memperkukuh kebolehpasaran graduan.
2. **Smart Community Engagement (Smart CE)**: menumpukan pemindahan ilmu dan kemahiran digital kepada usahawan mikro luar bandar, bengkel Teknologi pintar dan literasi kewangan unuk komuniti setempat.
3. **Southern Vibes Volunteers (SVibes)**: membentuk pasukan sukarelawan pelajar dan staf yang terlatih untuk menyokong program kebajikan, bantuan bencana dan acara bermakna di peringkat negeri.

Ketiga-tiga inisiatif ini dirangka bagi mengemudi secara efektif perjalanan penambahbaikan berterusan **proses-proses utama Bidang Tumpuan (BT)** UiTMCJ. Objektif utama proses ini adalah untuk menilai dan meningkatkan kebolehpasaran alumni melalui rangkaian kerjaya dan sokongan berterusan, serta memperkukuh khidmat masyarakat secara sukarela demi kesejahteraan komuniti setempat. UiTMCJ berkolaborasi rapat dengan alumni, komuniti penerima manfaat merangkumi guru dan pelajar sekolah, Orang Kurang Upaya (OKU), golongan B40, komuniti Orang Asli dan anak-anak yatim melalui Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim serta sukarelawan yang terdiri daripada pelajar, staf, dan rakan industri serta NGO untuk memastikan setiap program mencapai sasaran yang ditetapkan. Menerusi inisiatif ini, **nilai Enrichment, Entrusted, Empowerment dan Empathy (4E)** yang terhasil menguatkan lagi impak keberkesanan program-program di bawah **jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan**. Justeru, dapat meningkatkan keupayaan dan keberkesanan pengoperasian UiTMCJ di mata dunia.

Proses penglibatan dimulakan dengan **Pendekatan (Approach)**, perancangan operasi merangkumi penyediaan kertas kerja untuk permohonan kelulusan program melalui Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri) kepada **Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)**. Bagi penganjuran program di luar premis UiTM adalah tertakluk kepada kelulusan **Naib Canselor**. Seterusnya, proses penyusunan takwim dan kalendar bagi setiap projek dilaksanakan.

Pada **Perluasan (Deployment)**, kaedah dan cara pelaksanaan di sokong dengan promosi melalui email, media sosial rasmi UiTMCJ (Facebook, IG, TikTok), liputan media dan suratkhbar bagi memastikan setiap aktiviti mencapai nilai **4E** kepada mereka yang terlibat. Melalui sesi mentor-mentee, atau ceramah industri membuka peluang kerjaya di mana alumni menyumbang kembali kepada institusi.

**Pembelajaran (Learning)** - Bagi tujuan pembelajaran, UiTMCJ menekankan pemantauan berstruktur dan berterusan terhadap inisiatif BT. Mekanisme seperti peringatan berkala, pelaporan, kaji selidik dan audit dalaman digunakan untuk menilai keberkesanan program seperti ProNet dan Smart CE. Data pemantauan disatukan dalam laporan suku tahunan yang mengandungi analisis KPI, cabaran dan penambahbaikan, sekali gus memperkukuh tadbir urus dan pencapaian objektif strategik universiti.

**Integration (Integrasi)** - **Di peringkat UiTMCJ**, keberkesanan operasi dipantau melalui mesyuarat JKEN bagi memastikan program mencapai nilai 4E. Inisiatif **ProNet** menghubungkan alumni dengan pelajar, membuka peluang latihan industri dan keusahawanan. **Smart CE** memindahkan ilmu kepada komuniti luar, meningkatkan ekonomi dan taraf hidup. **Di peringkat kebangsaan inovasi Projek CosMos** membantu komuniti kelainan upaya melalui

latihan profesional dan inovasi teknologi aruhan. Program keagamaan dan sosial seperti Kelas Fardu Ain memberi impak positif kepada komuniti. **SVibes** melatih pelajar menjadi sukarelawan holistik. Sistem ICAN, SMART, NILAMs dan PRIME menyokong pelaporan dan pemantauan, yang memacu penambahbaikan berterusan.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCJ memastikan **proses-proses utama** perancangan projek BT berjalan lancar dalam menyokong aspirasi universiti, KPT dan keperluan industri dengan memfokuskan kepada objektif strategik (OS) iaitu **melestarikan sinergi perkongsian pintar berimpak tinggi**. Inisiatif strategik BT (**Bukti 6.2.1**) adalah melalui **kerangka BT Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawan UiTMCJ 2024** dan ianya sejajar dengan pencapaian Pelan Tindakan Strategik 2024 UiTMCJ (**Bukti 6.2.2**):

1. **ProNet** ialah rangkaian professional yang menghubungkan alumni berpengalaman dengan pelajar melalui sesi mentor-mentee, ceramah industri dan peluang kerjaya, seterusnya memperkukuh kebolehpasaran graduan.
2. **SmartCE** menumpukan pemindahan ilmu dan kemahiran digital kepada usahawan mikro luar bandar, bengkel Teknologi pintar dan literasi kewangan unuk komuniti setempat.
3. **SVibes** membentuk pasukan sukarelawan pelajar dan staf yang terlatih untuk menyokong program kebajikan, bantuan bencana dan acara bermakna di peringkat negeri.

Bagi memanifestasikan inisiatif **ProNet**, **SmartCE** dan **SVibes**, UiTMCJ telah melaksanakan **proses-proses utama berikut**:

### Proses 1

**Pemeteraian kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar** dengan alumni berpengalaman, usahawan mikro, komuniti setempat, kerajaan tempatan, kerajaan negeri, universiti serantau dan antarabangsa, badan bukan kerajaan (*NGO*), dan industri. Kerjasama ini demi melestarikan sinergi perkongsian pintar berimpak tinggi dan akan menjadi platform mengukuhkan kebolehpasaran dan peluang kerjaya graduan UiTMCJ (**Enrichment**) (**Bukti 6.2.3**).

### Proses 2

Proses **permohonan penganjuran** program, bengkel, latihan dan aktiviti melalui perpindahan ilmu (**Empowerment**) (**Bukti 6.2.4**).

### Proses 3

Proses **Pengurusan Geran dan Dana** melalui lima fasa.

#### Fasa 1:

1. BPJI menyediakan Garis Panduan Geran/Dana, termasuk skop geran, had peruntukan, kriteria kelayakan, dan jadual pelaksanaan tahun kewangan.
2. Pengumuman pembukaan geran SDG UiTMCJ melalui e-mel rasmi dan semua media sosial.

#### Fasa 2:

1. Permohonan dihantar secara dalam talian ke BPJI UiTMCJ
2. BPJI UiTMCJ melakukan semakan dokumentasi asas: kelayakan pemohon, kesempurnaan borang, kelengkapan lampiran (CV, kelulusan etika, dsb.).
3. Permohonan yang tidak lengkap dikembalikan kepada pemohon untuk pembetulan.

#### Fasa 3:

1. Panel yang dilantik menilai proposal berdasarkan kriteria kebaruan, kesesuaian dengan fokus perancangan strategik UiTMCJ, metodologi, impak, dan perancangan bajet. Setiap kertas kerja diberi skor dan ulasan.
2. Keputusan panel dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan untuk pengesahan akhir. Senarai cadangan projek terpilih disahkan dan peruntukan dimuktamadkan.

#### Fasa 4:

1. BPJI UiTMCJ mengeluarkan Surat Tawaran Geran kepada penerima, termasuk terma dan syarat
2. Dana dibayar berdasarkan kelulusan kertas kerja oleh Rektor

#### **Fasa 5:**

1. Laporan Kemajuan mengikut jadual dikemukakan setiap 6 bulan. Koordinator Penyelidikan menyemak laporan dan perbelanjaan, serta sesi tunjuk cara untuk memastikan projek berjalan mengikut perancangan.
2. Laporan Akhir diserahkan dihujung projek lengkap dengan pencapaian objektif, metodologi, hasil (penerbitan, prototaip, dsb.), perincian perbelanjaan dan penyata kewangan, serta cadangan susulan.
3. Fail projek ditutup secara rasmi. Semua dokumen akhir disimpan untuk tujuan audit dalaman UiTM boleh melakukan pemeriksaan perbelanjaan dan pematuhan polisi geran.
4. Hasil projek digunakan untuk laporan prestasi bilangan penerbitan berindeks, bilangan copyright, dan bilangan penarafan bintang sebagai penanda aras perancangan geran akan datang.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20251\\_UiTMCJ\\_6.2.1 Kerangka Bidang Tumpuan Alumni Komuniti Kesukarelawan.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20252\\_UiTMCJ\\_6.2.2 Pencapaian PI 2024.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20253\\_UiTMCJ\\_6.2.3 Proses 1 Kolaborasi Pintar.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20254\\_UiTMCJ\\_6.2.4 Proses 2 Permohonan Program.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB02\\_20255\\_UiTMCJ\\_6.2.5 Proses 3 Permohonan Geran dan Dana.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif strategik iaitu melestarikan sinergi perkongsian pintar berimpak tinggi melalui inisiatif **ProNet, Smart CE dan SVibes** melahirkan sinergi utuh antara UiTMCJ dengan alumni, komuniti setempat dan kerajaan negeri serta NGO. Menerusi inisiatif ini, **nilai 4E** yang terhasil menguatkan impak keberkesanan program-program jaringan **alumni, komuniti dan kesukarelawanan**.

Model **PDCA** menjadi kompas UiTMCJ mengemudi secara efektif penambahbaikan berterusan **3 proses-proses utama BT**.

- **Proses 1: Pemeteraian kerjasama dua hala dan kolaborasi perkongsian pintar**
- **Proses 2: Permohonan penganjuran program**
- **Proses 3: Pengurusan Geran**

#### **Proses 1 (PDCA) (Bukti 6.3.1 dan Bukti 6.3.2)**

**Perancangan (Plan)**, bilangan pemeteraian perjanjian persefahaman MoU/MoA adalah berdasarkan ketetapan PI dan memenuhi definisi operasi (OD) BTU. Bahagian, unit atau fakulti di UiTMCJ yang berhasrat memeterai MoU/MoA perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Koordinator ICAN membuat hebahan emel berkala bagi mendapatkan cadangan MoU/MoA antara UiTMCJ dengan pihak industri, syarikat, agensi, organisasi, komuniti dan NGO.

**Pelaksanaan (Do)**, MoU/MoA disusuli pelaksanaan aktiviti bersama rakan kerjasama. UiTMCJ memanfaatkan peringkat pelaksanaan ini sebagai asas menyediakan platform, ruang dan peluang kepada warga UiTMCJ untuk mencapai sasaran keberhasilan inisiatif **ProNet, SmartCE dan SVibes**.

**Pemantauan (Check)**, BPJI UiTMCJ memantau keaktifan MoU/MoA dan memberikan peringatan sekiranya tiada aktiviti dilaksanakan. Pemakluman kepada warga UiTMCJ berkenaan MoU/MoA aktif dihebahkan melalui emel untuk memberi peluang kepada staf yang ingin melaksanakan aktiviti kerjasama bersama rakan MoU/MoA.

Laporan tahunan aktiviti disediakan. **Tindakan Penambahbaikan (Action)**, laporan tahunan aktiviti kerjasama bersama rakan MoU/MoA disediakan bagi melihat status keaktifan dan pertimbangan penyambungan tempoh kerjasama. BPJIA boleh mencadangkan tiada pembaharuan MoU/MoA sekiranya tiada aktiviti sepanjang tempoh sah MoU/MoA tersebut.

#### **Proses 2 (PDCA) (Bukti 6.3.3 dan Bukti 6.3.4)**

**Perancangan (Plan)**, permohonan penganjuran program, bengkel, latihan dan aktiviti dibuat oleh pelajar atau inisiatif staf. Permohonan penganjuran aktiviti antarabangsa disertakan kertas kerja untuk kelulusan JKEN. Permohonan penganjuran program-program akademik menggunakan Tabung Amanah Pembangunan Akademik manakala program-program kelab/persatuan menggunakan Tabung Amanah Pelajar.

**Pelaksanaan (Do)**, pelajar atau staf melaksanakan aktiviti yang telah mendapat kelulusan. Aktiviti dilaksanakan menjadi medan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan bakat pelajar mencapai sasaran keberhasilan inisiatif **ProNet, Smart CE dan SVibes**.

**Pemantauan (Check)**, program yang dijalankan hendaklah tidak mengandungi sebarang unsur politik atau parti politik dan haruslah mematuhi semua garis panduan dan peraturan yang ditetapkan. Pelaporan aktiviti disediakan beserta analisa maklumbalas keberkesanan program sebagai bukti aktiviti dilaksanakan.

**Tindakan Penambahbaikan (Action)**, mesyuarat *post-mortem* dilaksanakan bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, analisis faedah kos dan

kebolehsinambungan aktiviti di masa hadapan.

### **Proses 3 (PDCA) (Bukti 6.3.5)**

**Perancangan (Plan)**, permohonan geran dalaman perlu disertakan dengan kertas kerja dan mendapat kelulusan JKEN.

**Pelaksanaan (Do)**, staf akan memperoleh geran setelah mendapat kelulusan. Di peringkat pelaksanaan ini, pengurusan geran yang berkesan membantu mencapai sasaran keberhasilan inisiatif *ProNet, Smart CE dan SVibes*

**Pemantauan (Check)**, pelaporan aktiviti disediakan sebagai bukti penglibatan pertandingan yang disertai.

**Tindakan Penambahbaikan (Action)**, mesyuarat post-mortem dilaksanakan bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, analisis faedah kos dan kebolehsinambungan penyertaan kesukarelawan di masa hadapan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20251\\_UiTMCJ\\_6.3.1 Pemerteraian MoA MoU.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_6.3.2 Contoh Pelaksanaan Program Bagi 3 Inisiatif Utama.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20253\\_UiTMCJ\\_6.3.3 Permohonan dan kelulusan program.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20254\\_UiTMCJ\\_6.3.4 Laporan Penganjuran Program.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB03\\_20255\\_UiTMCJ\\_6.3.5 Kelulusan geran.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan objektif tercapai, pengurusan tertinggi UiTMCJ menerusi BPJIA komited menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif-inisiatif BT secara berstruktur, sistematik, dan berterusan melalui beberapa mekanisme utama (peringatan berkala, pelaporan, kajiselidik keberkesanan program, dan laporan audit). Setiap inisiatif yang dijalankan dimaklumkan secara berkala dalam **Mesyuarat** JKEN, JJN dan MKB bagi memastikan keberkesanan dan pencapaian objektif yang ditetapkan (**Bukti 6.4.1.1**).

Secara umumnya, pemantauan dijalankan secara **Peringatan Berkala** melalui emel oleh Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti dan juga program-program rasmi seperti Amanat Rektor kepada pemegang Prestasi Indeks (PI) dan warga UiTM tentang PI yang perlu dicapai serta program-program berkaitan agar pelaksanaannya mengikut garis masa yang ditetapkan (**Bukti 6.4.1.2**).

Seterusnya, **laporan pelaksanaan dan kaji selidik keberkesanan program** memberikan gambaran terhadap perjalanan program, permasalahan, keberkesanan program, dan cadangan penambahbaikan. Contohnya, bagi inisiatif **ProNet dan Smart CE**, analisa maklum balas peserta membuktikan keberhasilan sinergi antara UiTMCJ bersama alumni dan komuniti. Dari segi kesukarelawanan, laporan yang diberikan memberi gambaran permasalahan yang dihadapi bagi menjayakan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan terutama di luar negara (**Bukti 6.4.1.3**). Selain itu, melalui **laporan audit dalaman**, tumpuan kepada operasi dapat dipantau bagi mematuhi sistem pengurusan kualiti yang baik. (**Bukti 6.4.1.4**)

Kesimpulannya, UiTMCJ memanfaatkan pelbagai instrumen dan mekanisma pemantauan yang efektif dalam membekalkan data, melaksanakan penilaian, mengkaji semula pengurusan dan menambahbaik tadbir urus operasi UiTMCJ. Pemantauan keseluruhan inisiatif ini diselaraskan oleh BPJI UiTMCJ, yang bertanggungjawab menyediakan **laporan prestasi berkala** (**Bukti 6.4.1.5**) kepada pengurusan tertinggi fakulti dan universiti. Keseluruhan maklumat pemantauan disatukan dalam sistem laporan suku tahunan yang dikemukakan kepada pengurusan tertinggi. Laporan ini mengandungi analisis pencapaian KPI, cabaran pelaksanaan, dan cadangan penambahbaikan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_UiTMCJ\\_6.4.1.1 Pemantauan JKEN.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_UiTMCJ\\_6.4.1.2 Peringatan Berkala docx.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_UiTMCJ\\_6.4.1.3 Laporan pelaksanaan dan kaji selidik BT.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_UiTMCJ\\_6.4.1.4 Laporan Penemuan Hasil Audit.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20255\\_UiTMCJ\\_6.4.1.5 Pemantauan berkala pelaksanaan agenda RSP.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dilaksanakan dalam operasi dengan mengenalpasti risiko berkaitan BT dan strategi yang bersesuaian dicadangkan dalam **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCJ**. Risiko utama yang dikenalpasti dalam usaha mencapai inisiatif-inisiatif utama BT ialah kegagalan mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh BTU, terutamanya apabila inisiatif yang dirancang tidak memberikan impak tinggi seperti yang disasarkan (**Bukti 6.4.2.1**).

Kekangan yang dijangka dalam pelaksanaan inisiatif **ProNet** merangkumi **kesukaran mendapatkan kerjasama daripada alumni** dalam industri bidang sasaran. Faktor kekangan masa dan komitmen profesional alumni menyumbang kepada isu ini. Untuk mengurangkan risiko ini, pendekatan penglibatan hibrid diperkenalkan (fizikal & maya) di kedua-dua kampus UiTMCJ, di samping penyusunan semula jadual aktiviti mengikut kesesuaian alumni

Dalam **Smart CE**, kekangan adalah dari segi perolehan dana untuk menjalankan aktiviti dan kesukaran mencapai kriteria star rating di sistem PRIME untuk projek komuniti. Untuk mengatasi isu ini, sumber dana dalaman seperti Geran Usahawan Komuniti perlu dimanfaatkan. Selain itu, kempen *Jom Daftar CE dan PRIME Star-Rating, Bengkel PRIME Star-Rating dan Bengkel Pemantapan Projek Komuniti* turut dijalankan untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada Warga UiTMCJ (**Bukti 6.4.2.2**).

Salah satu kekangan dalam inisiatif **SVibes** ialah cabaran untuk mendapatkan penyertaan dalam aktiviti sukarelawan, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Sebagai langkah penyelesaian, UiTMCJ telah meningkatkan bilangan pelajar yang berdaftar sebagai sukarelawan. Maka, program-program akan datang dijangka menerima penyertaan yang lebih aktif dan meluas. (**Bukti 6.4.2.3**)

Langkah-langkah ini diambil bertujuan memastikan kelestarian pelaksanaan program serta mencapai impak tinggi yang telah ditetapkan oleh BTU.

Risiko-risiko ini direkodkan dalam Daftar Risiko BPJI dan dikaji secara berkala oleh jawatankuasa khas yang bertanggungjawab. (**Bukti 6.4.2.4**). Analisis risiko digunakan untuk merancang strategi mitigasi lebih awal bagi setiap inisiatif. (**Bukti 6.4.2.5**)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_UiTMCJ\\_6.4.2.1 Perancangan Strategik dan Inisiatif Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20252\\_UiTMCJ\\_6.4.2.2 Bukti inisiatif pengurangan risiko - SMART CE.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20253\\_UiTMCJ\\_6.4.2.3 Sukarelawan berdaftar.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20254\\_UiTMCJ\\_6.4.2.4 Daftar Risiko UiSMS.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20255\\_UiTMCJ\\_6.4.2.5 Daftar Risiko & Pengurusan Risiko BPJI UiTMCJ.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan UiTMCJ mencapai sasaran yang ditetapkan, setiap unit dan bahagian yang terlibat melaksanakan semakan semula terhadap prestasi inisiatif masing-masing secara berkala. Proses kajian semula dan penambahbaikan dijalankan secara sistematik, berasaskan data pemantauan serta pengenalpastian risiko yang telah direkodkan. Laporan penilaian prestasi dan maklum balas daripada peserta, alumni serta komuniti dikaji semula dalam mesyuarat JKEN dan MKB.

Bagi memperkasa inisiatif **ProNet**, kajian semula mendapati perlunya mekanisme penglibatan alumni yang lebih berstruktur. Justeru, usaha untuk mendaftarkan alumni melalui platform MyAlumni perlu dipertingkatkan. Langkah ini bertujuan mengumpul dan mengemaskini data profil profesional alumni secara berpusat, sekaligus memudahkan jemputan dan menjadualkan penglibatan mengikut bidang kepakaran dan kesesuaian masa (**Bukti 6.4.3.1**).

Bagi inisiatif **SmartCE**, penambahbaikan telah dibuat melalui langkah penjimatan yang membolehkan jumlah projek komuniti meningkat pada penggunaan dana dalaman dan luar yang lebih rendah selaras dengan usaha UiTMCJ untuk memperkasakan peranan institusi dalam pembangunan masyarakat setempat walaupun berdepan kekangan kewangan (**Bukti 6.4.3.2**). Bengkel *hands-on PRIME Star-Rating* lebih giat dilaksanakan bagi meningkatkan pemahaman kriteria penilaian dan seterusnya mencapai lebih banyak penarafan bintang. Selain itu, inisiatif bimbingan oleh ketua projek yang berjaya mendapat penarafan bintang tertinggi telah diadakan bagi projek komuniti yang akan datang. Inisiatif ini berjaya meningkatkan jumlah keseluruhan projek yang didaftarkan terutamanya bagi penarafan 3 dan 4 bintang (**Bukti 6.4.3.3**).

Bagi **SVibes**, penambahbaikan yang boleh dibuat antaranya adalah perluasan promosi dan rekrutmen secara sistematik dan kolaborasi dengan MPP, JPK kolej dan persatuan akademik untuk mewujudkan pasukan sokongan di setiap fakulti atau kolej sebagai ejen pelaksana aktiviti kesukarelawanan. (**Bukti 6.4.3.4**)

Kajian semula juga disokong oleh pelaporan impak, termasuk maklum balas pihak komuniti, pelajar dan agensi luar. Data kuantitatif seperti jumlah penyertaan dan skala impak digabungkan dengan data kualitatif untuk menghasilkan laporan impak bersepadu yang diserahkan kepada pengurusan. (**Bukti 6.4.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_UiTMCJ\\_6.4.3.1 Promosi MyAlumni di Majlis Konvokesyen.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_UiTMCJ\\_6.4.3.2 Dana dan Penarafan Star-Rating Projek Komuniti 2022-2024.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_UiTMCJ\\_6.4.3.3 Penganjuran dan sokongan Pengurusan Kanan UiTMCJ.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20254\\_UiTMCJ\\_6.4.3.4 Projek Kesukarelawan Pelajar 2024.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20255\\_UiTMCJ\\_6.4.3.5 Data Kesukarelawan Pelajar 2024.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam memudahkan proses menjalankan sesuatu program, semua permohonan yang lengkap akan dimasukkan ke dalam mesyuarat **JKEN**. Tindakan penambahbaikan proses operasi secara langsung membantu dalam memastikan semua matlamat program yang dijalankan dapat melahirkan nilai **4E** kepada seluruh warga UiTM CJ.

Mesyuarat yang dijalankan memberi impak kepada **penambahbaikan operasi pelaksanaan program**. Melalui **ProNet**, alumni daripada pelbagai industri dapat dihubungkan kembali dengan institusi bagi menyumbang perkongsian kepakaran dan pengalaman kepada pelajar UiTM CJ. Melalui platform rangkaian ini, ia dapat membuka peluang latihan industri dan seterusnya menyumbang kepada kebolehpasaran graduan. Melalui Alumni Smart Engagement program seperti Usahawan Muda Alumni “Shape Your Business” Siri 1-Yok! Berinovasi Melalui Keusahawanan, bakal graduan dapat dibimbing untuk menjadi usahawan yang lebih kompetitif (**Bukti 6.5.1**).

**SmartCE** merupakan satu projek pemindahan ilmu yang dijalankan oleh warga UiTM CJ kepada komuniti luar seperti usahawan mikro luar bandar, bengkel teknologi pertanian pintar serta kelas literasi kewangan. Keberkesanan program mampu meningkatkan keupayaan ekonomi komuniti di samping mendedahkan pelajar kepada projek sebenar. Projek seperti ini mampu menghasilkan inovasi yang boleh diketengahkan dan membantu meningkatkan taraf hidup komuniti (**Bukti 6.5.2**).

Keberkesanan sistem operasi membantu pencapaian Projek CosMos 1.0 dan CosMos 2.0 dalam membantu komuniti kelainan upaya meningkatkan taraf hidup. Model latihan profesional keusahawanan Spa dan Sauna di berikan kepada komuniti bagi membantu mereka lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam masyarakat. Untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan Projek, beberapa siri pertemuan dan perbincangan telah diadakan di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (Rakan Kolaborasi Komuniti), pertemuan dengan industri, perbincangan bersama Bendahari UiTM serta taklimat ToT kepada peserta. Inovasi Kosmetologi Bio Elektrik System (BES), Alponia Massage dan Guasa telah dibangunkan sebagai langkah meningkatkan kemahiran profesional menggunakan teknologi terkini dalam urutan tanpa kos yang tinggi tetapi mampu memberi penjanaan pendapatan yang cepat (**Bukti 6.5.3**)

Program Kelas Fardu Ain Kampung Putting Segamat diluluskan untuk dijalankan telah membantu meningkatkan penghayatan agama islam kepada yang muslim, serta memberi bimbingan kepada isu kekeluargaan dan sosial. Perubahan yang drastik dapat dilihat kepada komuniti hasil keberkesanan program yang diadakan.

Kelulusan program khidmat komuniti unit alumni memberi impak yang sbesar kepada khidmat komuniti. Program seperti Amal Kasih Ramadan Alumni UiTM Johor 2024 membantu menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim PKAYIS serta mengeratkan hubungan universiti, alumni UiTM CJ dan masyarakat setempat. (**Bukti 6.5.4**).

Inisiatif pembentukan **SVibes** membantu menyediakan pasukan sukarelawan pelajar yang terlatih bagi membentuk pelajar yang holistik dan bersifat patriotik. Penglibatan pelajar dalam acara berskala besar terutamanya di peringkat antarabangsa dapat meningkatkan ketampakkan UiTM CJ serta menjalin kerjasama bersama agensi-agensi luar (**Bukti 6.5.5**).

Sistem ICAN diaplikasi sepenuhnya oleh UiTM CJ. **SMART** (pelaporan jaringan industri dan alumni) , **NILAMs** (permohonan MoU/MoA/LOI, laporan aktiviti projek MoU/MoA) dan **PRIME** (permohonan CE/Star Rating) projek/program komuniti telah membantu meningkatkan pencapaian PI UiTM CJ. Model PDCA yang menjadi kompas UiTM CJ membantu dalam proses-proses operasi serta penambahbaikan berterusan kepada kesemua bidang inisiatif **ProNet, Smart CE dan SVibes** yang seterusnya mencapai nilai **4E** (**Enrichment, Entrusted, Empowerment dan Empathy**).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20251\\_UiTMCJ\\_6.5.1 Inisiatif ProNet.pdf](#)
2. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20252\\_UiTMCJ\\_6.5.2 Inisiatif SmartCE.pdf](#)
3. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20253\\_UiTMCJ\\_6.5.3 Inovasi Pusat Inkubator Spa.pdf](#)
4. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_6.5.4 Alumni Prihatin.pdf](#)
5. [K0059\\_O01\\_OB05\\_20255\\_UiTMCJ\\_6.5.5 Inisiatif SVibes.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **HASIL DARI TUMPUAN PELANGGAN**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCJ komited dalam memastikan hasil kepada tumpuan pelanggan mencapai sasaran dan memberikan impak positif di peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui inisiatif ProNet Alumni (ProNet), Smart Community Engagement (SmartCE) dan Southern Vibes Volunteers (SVibes), UiTMCJ mencipta kecemerlangan dengan memberikan manfaat positif dalam pelbagai sasaran pelanggan antaranya pelajar, staf, alumni dan komuniti.

**Hasil Tahap (Level)** membuktikan pencapaian luar biasa melalui pelbagai inisiatif strategik BT UiTMCJ. **ProNet** mencatat **penyertaan 2024 melonjak 256% melebihi sasaran** asal, manakala **SmartCE menunjukkan penglibatan staf program komuniti sehingga 290%, hampir tiga kali ganda daripada sasaran.** Lebih membanggakan, inisiatif **SVibes** berjaya menggerakkan **270 peserta dalam kesukarelawanan antarabangsa, jauh mengatasi sasaran 100 peserta.** Kejayaan ini mencerminkan keberkesanan strategi dilaksanakan serta disokong maklum balas positif daripada peserta dan kumpulan sasar, sekali gus membuktikan impak nyata inisiatif BT terhadap pembangunan komuniti dan mengangkat reputasi UiTMCJ ke peringkat antarabangsa.

**Hasil Tren (Trend)** memperlihatkan peningkatan tren positif yang konsisten dan memberangsangkan melebihi sasaran yang ditetapkan. Dapat dilihat, inisiatif **ProNet** yang menunjukkan **tren positif berterusan penyertaan peserta dari tahun 2022 hingga 2024** (penglibatan peserta seramai 1,281 orang pada tahun 2024). Inisiatif **SmartCE** turut menzahirkan perkembangan positif yang ketara, dengan lonjakan **penglibatan staf dalam program komuniti sebanyak 57% pada tahun 2024.** Lebih membanggakan, komitmen berterusan warga UiTMCJ terhadap kesukarelawanan antarabangsa mencapai kemuncak dengan **rekod penyertaan tertinggi seramai 281 orang pada tahun 2024 (Inisiatif SVibes).** Kejayaan ini dicapai melalui sinergi strategik, di mana staf berperanan sebagai pemacu utama manakala pelajar bertindak sebagai penggerak teras.

**Hasil Perbandingan (Comparison/Benchmarking)** menunjukkan UiTMCJ unggul dalam mendominasi BT apabila mendapat **kunjungan rasmi daripada delegasi UiTM** yang terdiri daripada **Timbalan Naib Canselor ICAN, Dekan Eksekutif ICAN, Timbalan-Timbalan Rektor PJI UiTM, serta Timbalan-Timbalan Dekan ICAN UiTM** bagi meninjau secara langsung kejayaan projek komuniti UiTMCJ yang telah mendapat **pengiktirafan berprestij di peringkat luar UiTM.** Dapat juga dilihat pencapaian peratus GE UiTMCJ mengatasi beberapa kampus cawangan lain seperti UiTM Perak, UiTM Sarawak dan UiTM Pahang. Di peringkat antarabangsa, UiTMCJ mengatasi peratus GE Perbanas Institute, Indonesia. Bagi inisiatif SmartCE, UiTMCJ dijadikan penanda aras oleh Yayasan Pembangunan Terengganu (YPKT) bagi projek CosMos 2.0. Inisiatif SVibes yang merekodkan penglibatan 2,000 orang pelajar UiTMCJ menjadikan angka ini yang tertinggi jika dibandingkan dengan UTM, UTHM dan University Chulalongkorn, Thailand.

**Hasil Kepentingan (Importance)** menunjukkan UiTMCJ berjaya memberikan impak positif di peringkat nasional dan antarabangsa melalui BT yang dipilih. Dapat dilihat impak program di bawah inisiatif ProNet mencipta sensasi sehingga meraih anugerah untuk beberapa kategori seperti **Anugerah Graduan Ijazah Pertama Bergaji Premium Tertinggi dan Anugerah Kadar GE Tertinggi dalam Anugerah MeTIC 14/2025**, sekali gus menyokong teras strategik KPT dalam melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang. Projek komuniti di bawah inisiatif SmartCE memberikan impak nyata dalam membantu golongan OKU, B40 dan pelajar Pendidikan Khas melalui penajaan pendapatan **Selari dengan Matlamat**

Perbandingan antara (SBO dan SBO), bagaimana erat antara UiTMCO dan SBO... menjadikan **UiTMCJ penyumbang terbesar jumlah sukarelawan di peringkat antarabangsa** bagi program larian yang telah dianjurkan.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB02\\_20251\\_UiTMCJ\\_7.1.2 HASIL PELAKSANAAN STRATEGI\\_TAHAP.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_7.1.3 HASIL PELAKSANAAN STRATEGI\\_TREN.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB04\\_20253\\_UiTMCJ\\_7.1.4 HASIL PELAKSANAAN STRATEGI\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0059\\_HB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_7.1.5 HASIL PELAKSANAAN STRATEGI\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### HASIL DARI OPERASI

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bagi **Bidang Tumpuan (BT) Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**, UiTMCJ sentiasa memastikan kecekapan dan keberkesanan operasi yang efektif bagi mencapai hasil tahap kelestarian kampus berpandukan **tiga inisiatif utama**:

1. ProNet Alumni (ProNet) – Jumlah Program Alumni
2. Smart Community Engagement (SmartCE) – Jumlah Penarafan 4 Bintang Program Komuniti
3. Southern Vibes Volunteers (SVibes) – Jumlah Program Kesukarelawan Antarabangsa.

**Tahap (Level)** - Bagi BT, UiTMCJ telah memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan melalui tiga inisiatif utama: ProNet Alumni (jumlah program alumni), Smart Community Engagement (jumlah penarafan 4 bintang program komuniti) dan Southern Vibes Volunteers (jumlah program kesukarelawan antarabangsa). Pencapaian bagi tahun 2024 menunjukkan peningkatan ketara di mana program jaringan alumni mencapai 233% melepasi sasaran asal. Penarafan program komuniti pula merekodkan empat projek memperoleh penarafan 4 bintang, iaitu empat kali ganda lebih tinggi berbanding sasaran yang ditetapkan. Sementara itu, program kesukarelawan antarabangsa mencatatkan dua program, melebihi sasaran satu program. Kejayaan ini menggambarkan keberkesanan proses utama yang dilaksanakan melalui kolaborasi perkongsian pintar, penganjuran program dan permohonan geran.

**Tren (Trend)** - Tren pelaksanaan inisiatif ini menunjukkan pertumbuhan positif secara konsisten dari tahun ke tahun, disokong oleh penglibatan menyeluruh warga UiTMCJ dalam melestarikan sinergi berimpak tinggi. Data tiga tahun kebelakangan (2022–2024) memperlihatkan program jaringan alumni di bawah ProNet berjaya melebihi 100% sasaran setiap tahun melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman alumni yang memperkukuh kebolehpasaran pelajar. Penarafan program komuniti turut menunjukkan peningkatan yang ketara, daripada hanya satu projek berpenarafan 4 bintang pada 2023 kepada empat projek pada 2024. Kesukarelawan antarabangsa pula meningkat daripada sifar penyertaan pada 2022 kepada satu program pada 2023, dan seterusnya melonjak kepada dua program pada 2024, melepasi sasaran yang ditetapkan dengan peningkatan 100%.

**Perbandingan (Benchmarking/Comparison)** - Pencapaian UiTMCJ turut mengatasi beberapa kampus UiTM lain serta universiti tempatan dan antarabangsa. Pada 2024, UiTMCJ menganjurkan 10 program alumni, jauh mengatasi UiTM Kedah dengan satu program dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan tiga program. Malah, jumlah ini juga mengungguli rekod dua universiti luar negara iaitu ASEAN University Network, Thailand (tiga program) dan KDI School of Public Policy and Management, Korea Selatan. Dari segi penarafan 4 bintang, UiTMCJ (empat projek) mengatasi UiTM Perak (dua projek) dan UiTM Pulau Pinang (dua projek). Dalam kesukarelawan antarabangsa, UiTMCJ turut mencatatkan pencapaian yang lebih baik berbanding Universitas Indonesia yang hanya menganjurkan tiga program pada tahun sama.

**Kepentingan (Importance)** - Kejayaan ini memperkukuh kedudukan UiTMCJ sebagai peneraju

dalam pemerksaan alumni, pembangunan komuniti dan kesukarelawan bertaraf global. Melalui ProNet, sistem pengurusan data alumni yang komprehensif telah memudahkan komunikasi, memperkukuh rangkaian, serta membuka peluang pertumbuhan profesional graduan. Peningkatan projek komuniti dengan penarafan 4 bintang membuktikan keupayaan SmartCE membina pakatan strategik bersama kerajaan negeri, NGO dan komuniti setempat untuk memaksimumkan manfaat sosial. Sementara itu, inisiatif SVibes membentuk pelajar dan staf yang berempati melalui program kesukarelawan antarabangsa yang menyentuh aspek sosial, alam sekitar dan kemanusiaan. Keseluruhan inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan holistik komuniti akademik UiTMCJ tetapi turut memperkukuh reputasi universiti sebagai institusi yang melahirkan graduan bertanggungjawab dan berdaya saing di peringkat tempatan dan global.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB02\\_20251\\_UiTMCJ\\_7.2.2 HASIL DARI OPERASI\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB03\\_20252\\_UiTMCJ\\_7.2.3 HASIL DARI OPERASI\\_TREN.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB04\\_20253\\_UiTMCJ\\_7.2.4 HASIL DARI OPERASI\\_PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0059\\_HB05\\_20254\\_UiTMCJ\\_7.2.5 HASIL DARI OPERASI\\_KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### HASIL PELAKSANAAN STRATEGI

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Tahap (Level)** - UiTMCJ berjaya mencapai **tahap** cemerlang dalam tiga Petunjuk Prestasi Utama (PI019, PI032 dan PI079) dengan pencapaian melebihi 100% hasil pelaksanaan inisiatif strategik **ProNet, SVibes dan SmartCE**. Melalui ProNet, bilangan alumni usahawan melonjak kepada 304 orang pada 2024 (247.2% daripada sasaran), sekali gus melonjakkan nama UiTMCJ di **Anugerah MeTIC 13/2024** dan disokong dengan pelantikan tokoh kewangan negara, **Datuk Haji Asri Haji Ahmad** sebagai Profesor Adjung. Inisiatif SVibes pula memperkasa mahasiswa dengan nilai kesukarelawan, membolehkan 137 pelajar terlibat dalam program antarabangsa pada 2024 (117.1% daripada sasaran), termasuk **Kembara Amal Nusantara di Thailand**, menjadikan UiTMCJ sebagai IPT pertama dengan pendaftaran sukarelawan terbesar bersama Southern Volunteers. Sementara itu, SmartCE membuktikan impak besar kepada komuniti dengan 14 projek pada 2024 (1400% daripada sasaran), antaranya **Kebun Dapur Lestari, CosMos 1.0 dan Kelas Fardu Ain Kampung Putting Segamat**, yang diiktiraf dengan penarafan 4 bintang. Keseluruhannya, pencapaian ini mengukuhkan kedudukan UiTMCJ sebagai universiti berdaya saing, inklusif dan berorientasikan masyarakat.

**Tren (Trend)** - tren pencapaian UiTMCJ dalam objektif strategik *“Melestarikan Sinergi Perkongsian Pintar Berimpak Tinggi”* menunjukkan PI019 merekodkan peningkatan mendadak bilangan alumni yang berjaya menjadi usahawan daripada 110 orang (2023) kepada 304 orang (2024) hasil keberkesanan inisiatif ProNet. PI032 pula memperlihatkan tren 137 pelajar berbanding 227 pada 2023, namun pencapaian tetap melebihi sasaran (117.1%) melalui penglibatan pelajar dalam program kesukarelawan antarabangsa seperti *Kembara Amal Nusantara* di Thailand. PI079 pula menunjukkan peningkatan konsisten, daripada 5 komuniti (2022) kepada 14 komuniti (2024) yang menerima manfaat daripada projek penyebaran ilmu dan teknologi, sekali gus memperkukuh impak sosial UiTMCJ melalui projek seperti *CosMos 1.0 dan Kebun Dapur Lestari*. Kejayaan ini telah mengangkat reputasi UiTMCJ dengan anugerah penarafan bintang tertinggi di Anugerah MeTIC 14/2025.

**Perbandingan (Comparison)** - Pencapaian BT UiTMCJ dengan universiti luar negara, universiti tempatan dan kampus cawangan lain melalui tiga Petunjuk Prestasi (PI) utama. UiTMCJ telah mencapai keputusan yang amat memberangsangkan melebihi sasaran ditetapkan, hasil daripada pelaksanaan inisiatif ProNet, SmartCE dan SVibes. PI019 menunjukkan 304 alumni berjaya menjadi usahawan (247.2%), sekali gus mengangkat peranan alumni sebagai aset strategik dalam ekosistem keusahawanan dan membuktikan keberkesanan kolaborasi pintar bersama industri. PI032 pula merekodkan pencapaian 117.1% apabila pelajar aktif menyertai program antarabangsa berunsur kesukarelawan, menjadikan UiTMCJ lebih menonjol berbanding kampus lain dan IPT luar negara. Manakala PI079 mencatatkan pencapaian luar biasa 1400% dengan 14 komuniti menerima manfaat daripada projek pemindahan ilmu dan teknologi, yang sekali gus menzahirkan komitmen UiTMCJ dalam menjayakan agenda pemasyarakatan universiti.

**Kepentingan (Importance)** - Peranan alumni, mahasiswa dan komuniti diperkukuh melalui pelbagai inisiatif berimpak tinggi seperti **ProNet** yang melahirkan ramai usahawan sehingga menerima **Anugerah Alumni Usahawan Terbanyak 2024** serta pelantikan tokoh kewangan Islam, **Datuk Haji Asri Haji Ahmad** sebagai Profesor Adjung; program kesukarelawan **SVibes** yang membentuk mahasiswa holistik, patriotik dan berempati melalui penglibatan sehingga ke peringkat antarabangsa seperti **Kembara Amal Nusantara di Thailand**; serta inisiatif **SmartCE** yang memberdayakan komuniti melalui pemindahan ilmu digital, pertanian pintar dan literasi

kewangan, sekali gus mengangkat UiTM CJ meraihi pengiktirafan berprestij di **Mei 11/2025** termasuk **Anugerah Khas TNC ICAN** (tiga tahun berturut-turut) serta penarafan 4 bintang bagi projek komuniti unggul.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB02\\_20251\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 7.3.2 TUMPUAN KEPADA PELANGGAN\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB03\\_20252\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 7.3.2 TUMPUAN KEPADA PELANGGAN\\_TREN.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB04\\_20253\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 7.3.3 TUMPUAN KEPADA PELANGGAN PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0059\\_HB05\\_20254\\_UiTM\\_CJ\\_HASIL 7.3.4 TUMPUAN KEPADA PELANGGAN\\_KEPENTINGAN.pdf](#)